

BAB EMPAT

DATA & ANALISIS PERBANDINGAN MAIS DAN PZM DALAM PENETAPAN KADAR ‘URF

4.1 PENDAHULUAN

Sebagai reaksi kepada perkembangan dunia, ijтиhad tampil sebagai satu prinsip yang menjadikan Islam itu berkembang dan mampu menyediakan penyelesaian yang praktikal bagi setiap permasalahan hidup yang berubah-ubah. Hal ini adalah kerana syariat Islam itu sendiri mengandungi *nas* khusus atau teks yang tetap, dan merangkumi juga *nas* umum yang memberi ruang kosong untuk menerima kepelbagaian pendapat di kalangan ulama.³⁹⁶ Ia adalah merupakan satu instrumen bagi membantu perkembangan hukum Islam yang sentiasa berkembang walau di mana sahaja, selari dengan sifat semulajadinya yang amat peka terhadap kepelbagaian masalah yang berlaku dalam masyarakat.³⁹⁷ Selaras dengan itu, untuk membentuk metode pengambilan hukum yang dinamakan sebagai *istinbat al-ahkam*, al-Imam al-Syafi'i (m. 205 H) telah memformulasikan satu metodologi hukum di dalam kitabnya *al-Risalah* yang dikenali dengan nama *Usul al-Fiqh* yang meliputi empat sumber asas hukum yang terdapat di dalam mazhabnya, iaitu al-Quran, al-Sunnah dan daripada keduanya pula telah membentuk sumber-sumber terbitan yang lain iaitu al-Qiyas (deduksi bandingan/analytical deduction) dan al-Ijma' (persetujuan mazhab-mazhab semasa terhadap ketetapan hukum baru di kalangan ulama dan pakar undang-undang syariah).³⁹⁸ Menurut al-Qaradawi, dalam bidang kefatwaan apa sahaja yang melibatkan perubahan dari sudut waktu atau masa, begitu juga dengan setiap perkara yang melibatkan situasi atau keadaan, lokasi atau tempat, maka ‘urf atau adat pada ketika itu, adalah merupakan

³⁹⁶Suhaimi Mustar, Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2012), *Keperluan Ijtihad Dalam Pengurusan Pewarisan Harta: Kajian Terhadap Amalan Nuzriah di Singapura*, Penerbit UTM Press, Jurnal Teknologi. (Social Sciences) 60 (2013) hh. 39-48.

³⁹⁷Ummi Farahin Yasin, Noor Naemah Abdul Rahman, Mohd Faez Mohd Shah, (2013), *Pengambilkiraan Realiti Semasa Dalam Berfatwa: Analisis Terhadap Fatwa Zakat Di Selangor*, Jurnal Fiqh, No. 10 (2013) h. 92.

³⁹⁸Abdullah @ Alwi Hassan (2005), *Ijtihad dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-Undang Syariah Di Dunia Islam Masa Kini*, Jurnal syariah, Kertas kerja ini dibentangkan di International Conference On Harmonization of the Shari'ah and Civil Law 2: Towards a Methodology of Harmonization pada 30 Jun 2005 di Pan Pasific hotel, Kuala Lumpur. Anjuran UIAM.

pertimbangan atau indikator dalam penentuan hukum.³⁹⁹ Menurut Ibn. Qayyim pula, perubahan fatwa dan perbezaan-perbezaan yang terkandung pada fatwa tersebut adalah dituntut dan sangat diperlukan, iaitu berdasarkan kepada perubahan dari sudut *al-azminah* (zaman-zaman), *al-amkinah* (tempat-tempat), *al-ahwāl* (realiti dan situasi), *al-niyyat* (niat dan maksud), dan *al-‘awā’id* (adat-adat).⁴⁰⁰

Rentetan dari itu, terdapat situasi di mana suatu masa dahulu kelihatan seperti tingkah laku biasa yang kerap kali berlaku dalam sesebuah masyarakat, tetapi telah diangkat menjadi ibadah atau ketetapan hukum tertentu dalam perundangan Islam.⁴⁰¹ Pengiktirafan syarak terhadap ‘urf masyarakat bukan sahaja melibatkan budaya bangsa arab secara ekslusif sahaja, malah merentasi budaya kaum lain yang dikenal pasti mempunyai elemen-elemen positif, dan ada kaitan dengan persoalan hukum. Penerimaan tersebut adalah merupakan sandaran hukum secara umum daripada budaya arab kepada budaya bagi golongan masyarakat yang lain. Kepekaan Islam terhadap adat dan budaya masyarakat adalah menunjukkan bukti bahawa Islam merupakan agama fitrah yang amat dekat dengan naluri dan sifat semulajadi manusia sepetimana yang disabdakan oleh Rasulullah saw :

ما من مولود الا يولد على الفطرة ، فابواه يهودانه او ينصرانه او يمجسانه ...

“Setiap kelahiran (anak adam) itu, dilahirkan dalam keadaan fitrah (bersih semulajadi), Maka sesungguhnya ibubapanya lah yang menjadikannya sebagai yahudi, majusi atau nasrani....”

(Hadith diriwayatkan oleh Muslim)⁴⁰²

Berdasarkan kepada maksud hadith ini, dapat difahami bahawa hanya Islam sahaja yang merupakan suatu agama yang mendasari fitrah dan tidak bercanggah dengan kehendak

³⁹⁹ Al-Qaraḍāwī, Yūsuf (1992), ‘Awāmil al-Su‘ah wa al-Murūnah fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah, Qāhirah: Dār al-Šāhwah li al-Nasyr. C. 2, hh. 5, 31-35.

⁴⁰⁰ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2006) *Ilām al-Muwaqqi‘īn ‘an Rab al-‘Ālamīn*, Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, h. 5.

⁴⁰¹ Muḥammad Ṣidqī Aḥmad (2002), *al-Wajīz fī Iḥdah Qawā‘id al-Fiqh al-Kullīyyah*, Beirut: al-Risālah al-‘Ālamīyyah, c. 5, h. 270 - 294. Menggunakan kaedah al-‘Ādah Muḥakkamah dalam ilmu Qawā‘id al-Fiqh segala permasalah hukum yang berkaitan ‘urf dapat diselesaikan dengan mudah tanpa menyusahkan masyarakat dengan sesuatu yang luar dari budaya sendiri.

⁴⁰² al-Nawāwī al-Dimasyqī, Maḥyū ad-Dīn Abī Zakariyya Yaḥyā bin Syarāf (1998), *Ṣaḥīḥ Muslim Syarh al-Nawāwī*, Qāhirah : Dār al-Manār, j. 16, h. 156.

naluri manusia. Ini dapat ditafsirkan dengan perenggan akhir al-hadith yang tidak meletakkan Islam sebagai pilihan kepada ibubapa kerana maksud Islam telah tercapai dalam kalimah ‘fitrah’ di awal al-hadith.

Tidak semua adat atau budaya masyarakat boleh dijadikan hukum atau ibadat dalam syarak. Islam hanya menerima adat-adat tertentu yang diterima baik dalam sesebuah masyarakat selagimana tidak bercanggah dengan kandungan *nas*.⁴⁰³ Di zaman awal kedatangan Islam, Rasulullah SAW adalah merupakan sumber *al-Tasyri’ al-Islami* yang paling tinggi dan menjadi ikutan serta sumber rujukan kepada umat Islam dari serata pelusuk dunia. Jika berlaku apa-apa permasalahan yang berkaitan dengan sesuatu hukum atau isu, masyarakat Islam pada waktu itu akan merujuk terus kepada Rasulullah SAW untuk bertanya dan mendapatkan penyelesaian dari Baginda.⁴⁰⁴ Ketika Islam datang, bangsa arab mempunyai adat yang banyak dan pelbagai. Islam menerima sebahagian adat-adat tersebut yang berstatus baik yang dinilai dari sudut kacamata Islam dan menepati kehendak matlamat dan prinsip syarak. Islam menolak sesuatu yang bercanggah dengan prinsip dan asas tersebut, seperti contoh menghalalkan sesuatu yang telah haram, membatal sesuatu yang telah menjadi menjadi kewajipan dan sebagainya. Malah Islam melarang dan mengharamkan sesuatu ‘urf yang berpotensi untuk membawa kebinasaan dan kerosakan di dalam masyarakat.⁴⁰⁵ Pada masa itu, mana-mana adat yang diiktiraf oleh Islam sebagai hukum adalah mendapat perakuan terus daripada Rasulullah SAW sendiri melalui al-Hadith, atau dijawab dan dinyatakan terus oleh al-Quran sebagai wahyu yang turun sejurus selepas itu, atau turun beberapa ketika selepas persoalan tersebut diajukan kepada Baginda SAW. Pada ketika itu, semua jawapan dan penyelesaian hukum tentang adat dan budaya masyarakat atau apa sahaja persoalan hanya berada di tangan Rasulullah SAW untuk difinalizekan kedudukannya sama ada boleh diterima atau ditolak. Segala ketetapan hukum

⁴⁰³ Abd al-Karīm Zaydān (2002), *al-Madkhāl li Dirāsah al-Syar‘iyyah al-Islāmiyyah*, Muassasah al-Risālah, c. 16, h. 13.

⁴⁰⁴ Muhammad al-Khaḍarī (1968), *Tarīkh al-Tasyrī ‘al-Islāmī*, c. 8, Beirut: Dār al-Fikr, h. 17-18.

⁴⁰⁵ al-Qaraḍawī, Yūsuf (1992), ‘Awāmil al-Su‘ah wa al-Murūnah’, *op.cit.* hh. 32 dan 34.

yang dibuat oleh Baginda SAW adalah merupakan wahyu daripada Allah SWT yang ditentukan berdasarkan kepada *asbab (asbab al-nuzul)* atau hikmah tertentu yang dijadikan sebagai ‘*illah* hukum.⁴⁰⁶ Kemajuan sosio ekonomi yang dicapai dan dikecapi oleh masyarakat pada hari ini telah banyak mempengaruhi bentuk kegiatan ekonomi yang berlaku dalam kehidupan manusia sejak dari dahulu lagi. Zakat dan ekonomi dilihat saling mempunyai hubungan erat antara satu sama lain di mana ia merupakan satu cabang ekonomi Islam yang turut memberi implikasi terhadap peningkatan sosio-ekonomi ummah.⁴⁰⁷ Hasil kajian yang dibuat mendapati bahawa hukum asal mengenai tidak wajib zakat bagi emas perhiasan di Selangor, Melaka dan seluruh negeri di Malaysia adalah sama dan selaras sepertimana yang dipegang oleh Jumhur Ulama kecuali negeri Perlis yang berpegang kepada wajib zakat. Begitu juga persamaan dari sudut hukum sebaliknya adalah juga standard (wajib dizakatkan sekiranya melebihi budaya pemakaian setempat), kecuali Kelantan.⁴⁰⁸ Persamaan ini disebabkan oleh persefakan semua negeri di Malaysia kecuali Perlis, untuk berpegang kepada mazhab al-Imam al-Syafi‘i dalam banyak keadaan, sepertimana yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing.⁴⁰⁹ Dalam situasi ini, tidak berlaku sebarang bentuk pertikaian di kalangan negeri-negeri terbabit kerana jelas termaktub di dalam mazhab syafi‘i, juga berdasarkan kepada apa yang dipegang oleh majoriti ulama-ulama mazhab, bahawa hukum asal bagi pemakaian emas di kalangan wanita Islam adalah berstatus harus tanpa kewajipan zakat. Ini adalah merupakan sandaran hukum asas yang dilaksanakan dalam pengurusan zakat di Malaysia.⁴¹⁰ Walaupun begitu

⁴⁰⁶ Abd al-Karīm Zaydān (2002), *op.cit.* h. 35. Dalam Surah al-Najm 53 : 3-4 Allah SWT berfirman yang bermaksud : “Dan dia tidak memperkatakan sesuatu tentang agama Islam berdasarkan kemahuan dan pendapatnya sendiri, melainkan segala yang diperkatakan tersebut tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.”

⁴⁰⁷ Patmawati Ibrahim (2008), *Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empiris*, Jurnal Syariah 16, KL: Akademi Pengajian Islam, UM, h. 225.

⁴⁰⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri, dicapai pada 30 November 2013. <http://www2.esyariah.gov.my>. Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Kelantan, dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.e-maik.my>.

⁴⁰⁹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, dicapai pada 25 November 2013, <http://www2.esyariah.gov.my>

⁴¹⁰ Negeri Perlis agak berlawanan sedikit dari sudut dasar pentadbiran Islam berbanding negeri yang lain (Tidak menjadikan mazhab syafi‘i sebagai rujukan utama kerana berpegang kepada fahaman yang menyatakan bahawa al-Quran dan Sunnah sebagai sumber yang sebenar tanpa terikat dengan mazhab-mazhab tertentu) *Ibid.* Enakmen 4 Tahun 2006, Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Seksyen 54. “Sumber Yang Hendaklah Diikuti”, 30 November 2013, <http://www2.esyariah.gov.my>.

keadaannya, tanpa penelitian dan kefahaman yang menyeluruh, masyarakat tidak mungkin menyedari bahawa persamaan tersebut hanya berkisar dari aspek sumber hukum sahaja, selebihnya mereka berbeza pandangan dalam banyak perkara-perkara lain sehingga membawa kepada kajian ini. Perlis menggunakan pakai timbangan 85 gram sebagai nisab emas perhiasan dan emas-emas kategori yang lain.⁴¹¹ Malah berdasarkan fatwa, Perlis berpegang kepada pandangan Abu Hanifah dan Ibn Hazm yang mengatakan bahawa zakat bagi emas perhiasan wanita adalah wajib apabila telah mencukupi nisab emas. Pandangan ini adalah berlawanan dengan pandangan Jumhur yang mengatakan tidak wajib zakat kecuali jika melebihi ‘urf.⁴¹²

Hasil dari perbincangan bab-bab yang lepas termasuk temubual pihak-pihak yang terlibat, maka pengkaji mendapati bahawa perbezaan kadar ‘urf antara negeri-negeri adalah disebabkan oleh penafsiran yang berbeza-beza secara khusus yang dibuat tentang adat dan budaya pemakaian setempat, begitu juga dengan beberapa aspek lain dari sudut teori yang diambil kira sebagai metode. Bahkan, ada juga yang mengambil kira soal maslahah masyarakat dan kebijakan golongan wanita. Hasil kajian menyeluruh mendapati bahawa kedua-dua organisasi iaitu Lzs (MAIS) atau Pzm, mempunyai persamaan dan perbezaan antara satu sama lain, di mana situasi tersebut menyumbang kepada kelebihan dan kekurangan masing-masing dalam konteks kajian. Kajian yang dibuat adalah untuk menganalisa perbandingan kedua-dua sektor tersebut terhadap negeri masing-masing, dan mencadangkan beberapa saranan untuk tujuan penambahbaikan sistem dan mekanisme sedia ada bagi kebaikan semua pihak supaya dapat diperaktiskan dengan lebih efektif dan diyakini. Pengkaji juga memberi sedikit komen dari kacamata Islam demi meningkatkan prestasi pengurusan zakat ke arah yang lebih efisyen tanpa menyentuh kelemahan mana-mana pihak.

⁴¹¹Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Fatwa Negeri Perlis, “Nilai Emas Yang Boleh Dihukum Pakaian” 30 November 2013. <http://www.e-fatwa.gov.my>. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Unit Zakat, Baitul, 7 Mei 2014.

⁴¹²Ibid.

ANALISIS PERBANDINGAN

Berdasarkan sumber yang diperolehi dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Pusat Zakat Melaka (PZM), Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) dan Jabatan Mufti Melaka (JMM), maka analisis perbandingan dapat dibahagikan kepada lima iaitu:

4.2 ANALISIS PENGURUSAN KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT

Pengurusan zakat di Malaysia adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri sepertimana yang terkandung dalam enakmen.⁴¹³ Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah bertanggungjawab di dalam semua perkara yang bersangkut dengan urusan hal ehwal Islam termasuk mengendalikan urusan agihan dan kutipan zakat di negeri yang ditadbir.⁴¹⁴ MAIN juga bertanggungjawab penuh bagi memastikan kepentingan masyarakat Islam di negeri yang ditadbir sentiasa dalam keadaan terjamin dan diberi ruang secukupnya untuk bergerak berpandukan peruntukan undang-undang yang wujud tanpa sebarang bentuk gangguan dan pencerobohan dari mana-mana pihak. Apa-apa sahaja unsur yang boleh menggugat kestabilan sistem hal ehwal Islam dan pengurusan zakat negeri akan mendapat campur tangan Majlis. Kuasa yang ada pada Majlis bagi kerukunan pengamalan Islam di setiap negeri di Malaysia sudah termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri yang perlu dipatuhi dan hormati oleh semua golongan di negeri berkenaan tanpa sebarang pertikaian.⁴¹⁵

Dari sudut sejarah, perundangan zakat di Malaysia telah wujud sekian lama iaitu ketika Islam mula sampai dan bertapa di tanah melayu, malah perundangan tersebut pernah

⁴¹³*Ibid.*, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. dicapai pada 25 November 2013, <http://www2.esyariah.gov.my>

⁴¹⁴*Ibid.*

⁴¹⁵*Ibid.*

dikanunkan.⁴¹⁶ Antaranya adalah kandungan Fasal 3 (Bab 2, Tembera Dato Seri Paduka Tuan 1078 S.H., 1667 A.D) Undang-undang Kedah yang memberi peruntukan bahawa :

“Barang siapa berbuat bendang atau huma, maka hendaklah kerasi suroh keluarkan zakat saperti benar hisab-nya yang di-peroleh-nya itu, suroh keluarkan sa-puloh emas zakat-nya itu. Apa-bila tiada mahu mereka itu saperti hisab itu, maka hendaklah kweng kerasi keluar zakat itu menurut saperti hukum Allah taala.”⁴¹⁷

Walau bagaimanapun ada pihak yang mendakwa bahawa perundangan zakat dan hukum syarak di negara ini hanya wujud dan bermula semasa pemerintahan British di Malaya dan berterusan hingga sekarang.⁴¹⁸ Walau bagaimanapun pandangan ini telah disangkal dengan adanya Undang-undang Kedah yang dipaparkan di atas.

Seterusnya kajian mendapati bahawa pengurusan zakat di peringkat negeri suatu masa dahulu diuruskan sendiri oleh MAIN yang bertindak selaku pentadbir bagi menggandalikan semua urusan tersebut dari sudut kutipan dan agihan. Menurut Noorzakry Nor Jamal,⁴¹⁹ fokus yang diamanahkan kepada Majlis pada ketika itu adalah terlalu besar dan luas sehingga tidak mampu diuruskan oleh Majlis dengan sempurna dan menyeluruh kerana mempunyai kekangan dari pelbagai sudut. Menyedari hakikat tersebut, malah setelah melalui beberapa fasa perbincangan dengan pihak-pihak tertentu, maka sebahagian daripada pihak MAIN secara berasingan telah bersetuju untuk melantik dan menubuhkan sebuah badan khas bagi membantu Majlis meningkatkan kualiti pengurusan zakat supaya menjadi lebih efisyen mengikut perjanjian yang disepakati oleh kedua-dua pihak. Ada sebahagian Majlis yang memberikan kuasa mutlak sudut kutipan dan agihan kepada badan yang dilantik, dan terdapat juga yang hanya memberi kuasa kutipan sahaja kepada badan tersebut, dan agihannya pula diuruskan sendiri oleh pihak Majlis. Malah, terdapat juga sebahagian

⁴¹⁶ Winstect, R.O (1928), *JIMBRAS*, Vol.VI, Pt.II, 1928, h.28.

⁴¹⁷ *Ibid.*

⁴¹⁸ Yegar, Moshe (1979), *Islam And Islamic Institutions in British Malaya*, Jeruselam, The Magnes Press, The Hebrew University, h. 216.

⁴¹⁹ Noorzakry Nor Jamal, Penolong Pengurusan Bahagian Penyelidikan, Pusat Zakat Melaka, Temubual 13 Jun 2013.

Majlis yang masih mengekalkan corak pentadbiran yang lama iaitu dengan menguruskan sendiri hal ehwal kutipan dan agihan zakat sama seperti dahulu tetapi menggunakan strategik penambahan kakitangan dan lain-lain.⁴²⁰

Perancangan dan perlaksanaan yang dibuat oleh Majlis dalam melantik badan-badan tertentu sebagai anak syarikat bagi mewakili Majlis menguruskan zakat adalah merupakan strategi untuk meningkatkan kutipan. Hasilnya, sejak ditubuhkan pendapatan Majlis kian bertambah dan meningkat melebihi jangkaan sehingga dapat menyalurkan bantuan zakat kepada kelompok yang lebih besar. Tanpa melibatkan apa-apa kos perkhidmatan tambahan yang perlu dikeluarkan oleh Majlis, anak syarikat yang dilantik mampu berperanan sepertimana yang telah dihasratkan oleh Majlis dengan hanya bergantung kepada peruntukan amil sebanyak 1/8 peratus daripada hasil kutipan bagi menampung kos operasi. Peruntukan amil 1/8 yang diberikan oleh Majlis kepada anak syarikat lantikannya, adalah merupakan peratusan yang sama sepertimana diberikan kepada amil-amil lain yang dilantik tanpa perlu mengeluarkan kos-kos lain yang membebankan. Sekalipun telah melantik anak syarikat untuk menguruskan zakat, namun kuasa yang diberikan oleh Majlis kepada anak syarikat lantikannya adalah bukan secara total. Pusat Zakat hanya berperanan sebagai unit atau bahagian di dalam pentadbiran Majlis. Majlis mempunyai kuasa penuh untuk memantau dan memastikan anak-anak syarikat tersebut memenuhi piawaian dan KPI yang ditetapkan serta berjalan sepertimana yang telah dipersetujui. Malah, Pusat Zakat yang dilantik juga tidak boleh membelakangkan Majlis dalam apa juu situasi berkenaan zakat.⁴²¹

Dari sudut perlaksanaan zakat, kajian mendapati bahawa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah melantik anak syarikat sendiri bagi menguruskan institusi zakat di Selangor dan Melaka. Ia dibuat bagi memantapkan halatuju Jabatan dan memperkasakan institusi zakat di negeri berkenaan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan bidang kuasa yang diperturunkan oleh kedua-

⁴²⁰Ibid.

⁴²¹Ibid.

duanya kepada organisasi zakat yang dilantik. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) lebih ke hadapan dari sudut ini berbanding Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Penurunan kuasa yang diberikan oleh MAIM kepada anak syarikatnya PZM hanya melibatkan tadbir urus berkaitan kutipan zakat sahaja dan tidak kepada agihan. Ia hanya merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan kutipan sahaja melibatkan operasi, kempen, pendedahan maklumat dan sebagainya. Sebaliknya urusan agihan, diuruskan sendiri oleh MAIM melalui Baitulmal tanpa campur tangan PZM. Majlis hanya membenarkan PZM memberi fokus kepada kutipan semata-mata dan Majlis pula memberi fokus kepada sudut agihan. Ini bermakna, peruntukkan bidang kuasa yang diberikan oleh Majlis kepada PZM adalah agak terhad berbanding di Selangor.⁴²²

MAIS tidak seperti MAIM, Kuasa yang diberikan oleh MAIS kepada anak syarikat lantikannya LZS adalah merangkumi kedua-duanya sekali, iaitu pengendalian zakat melibatkan kutipan dan agihan sekaligus. MAIS hanya memantau perjalanan LZS supaya segala usahasama dapat terlaksana dengan sistematik dan tidak terkeluar daripada perjanjian yang telah termeterai⁴²³ Dari sudut penjenamaan syarikat, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan juga Pusat Zakat Melaka (PZM), menggandingkan nama organisasi zakat yang ditadbir dengan nama Majlis Agama Islam Negeri menjadi satu jenama. Hasilnya terbentuklah Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dan Pusat Zakat Melaka (MAIM) sebagai nama rasmi bagi syarikat pengurusan zakat di Selangor dan Melaka.⁴²⁴ Ini adalah merupakan petunjuk bahawa kedua-dua anak syarikat tersebut bukanlah bebas sepenuhnya, tetapi tertakluk di bawah pengawasan dan bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri masing-masing sebagai majikan.

⁴²²Pusat Zakat Melaka, dicapai pada 2 Jun 2013, <http://www.izakat.com>, Lembaga Zakat Selangor (MAIS), dicapai pada 2 Jun 2013, <http://www.e-zakat.my>.

⁴²³Mohd Fariz Abdul Razak, Eksekutif Penyelidikan Syariah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Temu bual 20 Jun 2013.

⁴²⁴Pusat Zakat Melaka, dicapai pada 2 Jun 2013, <http://www.izakat.com>, *op.cit.* Lembaga Zakat Selangor (MAIS), dicapai pada 2 Jun 2013, <http://www.e-zakat.my>, *op.cit.*

4.3 ANALISIS PUNCA PERBEZAAN KADAR ‘URF & PINDAAN.

Setelah membuat kajian terhadap organisasi yang menguruskan zakat di Melaka dan Selangor, maka didapati perbezaan kadar ‘urf bagi perhiasan emas benar-benar berlaku dalam konteks kutipan zakat di sana. Terdapat jurang perbezaan kadar ‘urf yang besar sepertimana yang difatwakan hasil daripada pemahaman yang berbeza dalam pentafsiran hukum terhadap persoalan ini. Terkini, kadar ‘urf di Selangor adalah pada timbangan 800 gram emas berbanding 200 gram sepertimana yang diperkenalkan di Melaka.⁴²⁵ Kedua-duanya mempunyai hujah dan kaedah serta sandaran masing-masing dalam menetapkan kadar ‘urf tersebut. Selangor menetapkan kadar lebih tinggi berbanding Melaka bukanlah disebabkan oleh perbezaan utama dari sudut peningkatan taraf hidup atau budaya pemakaian emas di Selangor. Wujud faktor lebih dominan yang memberi kesan besar terhadap perubahan kadar ‘urf di Selangor. Walau bagaimanapun, fakta sebenar tentang perubahan-perubahan tersebut tidak pernah dipaparkan atau diwar-warkan kepada umum, malah terdapat juga kadar ‘urf yang pernah dicadangkan oleh Pusat Zakat Selangor, namun ia tidak pernah diguna pakai dan dikuat-kuasakan oleh MAIS.⁴²⁶

Menurut Mohd Fariz Abdul Razak dan Abdullah Senin,⁴²⁷ perlaksanaan kadar ‘urf terkini sebanyak 800 gram adalah merupakan satu-satunya kadar rasmi yang pernah difatwakan oleh Jabatan Mufti Selangor dan dilaksanakan oleh MAIS sejak dari dahulu lagi. Walau bagaimanapun, terdapat juga satu kadar ‘urf yang pernah diguna pakai di Selangor suatu masa dahulu (sebelum tahun 2005) yang ditentukan berdasarkan nilai matawang sebanyak RM5000. Ia dibuat tanpa merujuk kepada fatwa rasmi. Ini adalah kerana sebelum tahun 2005, tidak ada sebarang fatwa tentang ‘urf emas perhiasan pernah dikeluarkan untuk pemakaian di Selangor. Menurut beliau juga, faktor peningkatan taraf hidup juga turut

⁴²⁵Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Fatwa Di Bawah Seskyen 47. Dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseskyen 48(6).Fatwa Di Bawah Seksyen 36, Warta Kerajaan Negeri Melaka, enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

⁴²⁶Abdullah Ahmad Senin, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Selangor. Temubual 11 Mac 2014.

⁴²⁷Mohd Fariz Abdul Razak, Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Temubual 20 Jun 2013. *Ibid.* Abdullah Ahmad Senin, Temubual 11 Mac 2014.

menyumbang secara tidak langsung kepada penilaian MAIS terhadap ketetapan kadar ‘urf di Selangor kerana ia memberi kesan kepada budaya pemakaian emas semasa. Di samping itu, kedudukan Selangor yang merupakan sebuah negeri di bandaraya yang menjadi tumpuan penghijrahan masyarakat negeri lain untuk mencari rezeki dan mengubah hidup ke arah yang lebih selesa turut menyumbang kepada pelbagai peningkatan kos berbanding negeri-negeri lain. Malah, negeri Selangor juga diiktiraf sebagai sebuah negeri yang maju dan kaya dengan pelbagai sumber yang boleh menjana pelbagai peluang pekerjaan kepada masyarakat.⁴²⁸

Berbeza pula dengan negeri Melaka, menurut Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Melaka,⁴²⁹ penetapan kadar ‘urf di Melaka adalah berdasarkan fatwa yang dikeluarkan dan telah diwartakan oleh Jabatan Mufti, yang meletakkan kadar 200 gram sebagai ‘urf emas perhiasan untuk kegunaan rakyat negeri Melaka. Beliau berpendapat, perbezaan kadar ‘urf pemakaian emas yang wujud di kalangan wanita antara sebuah negeri dengan negeri yang lain menyebabkan kadar ‘urf di Melaka ditetapkan pada kadar tersebut. Penduduk dan masyarakat di Melaka tidak menjadikan koleksi barang kemas sebagai pusingan modal untuk perniagaan sepertimana yang wujud di negeri Kelantan. Oleh itu, kadar ‘urf yang ditetapkan adalah sesuai berdasarkan penilaian terhadap realiti yang wujud di Melaka.⁴³⁰

Dari sudut hukum, ketetapan kadar ‘urf yang diperkenalkan oleh MAIS dan PZM dianggap benar dan betul (berbeza kerana ijtihad berbeza), kerana ulama terdahulu tidak pernah meletakkan kadar tertentu untuk diikuti sebagai hukum muktamad, atau meletakkan beberapa pilihan kadar tertentu menjadi hukum standard, sebagai panduan kepada umat Islam sepanjang zaman tanpa perlu bersusah payah dan memerah keringat untuk berfikir dan berijihad. Sebaliknya kebanyakkan ulama-ulama silam hanya mencetuskan idea secara

⁴²⁸ *Ibid.*, Mohd Fariz Abdul Razak.

⁴²⁹ Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Rashid Redza Haji Md. Saleh, Mufti Kerajaan Negeri Melaka, Temubual pada 5 April 2013.

⁴³⁰ *Ibid.*

umum tentang isu ini dan menyerahkan hukum tersebut untuk ditentukan mengikut kebijaksanaan ulama semasa.⁴³¹ Oleh itu, tanpa pilihan hukum yang disediakan oleh ulama terhadap persoalan ‘urf emas perhiasan kerana keterbatasan menilai realiti semasa yang berubah-berubah, maka akhirnya terciptalah hukum baru mengikut kemampuan yang terhad.

Dari sudut proses *istinbat* hukum dalam Islam, kedua-dua organisasi ini dianggap telah memenuhi kriteria dan berkelayakan untuk mengeluarkan pandangan atau fatwa bagi menetapkan hukum, walaupun menetapkan kadar yang berbeza antara satu sama lain. Namun masyarakat perlu diberikan kefahaman yang jelas agar tidak terkeliru dengan kebebasan yang diberikan oleh syarak terhadap perbezaan pandangan tersebut, kerana ia adalah hak ekslusif melibatkan para ulama semata-mata. Malah, perbezaan yang dibenarkan oleh syarak juga mestilah kepada perkara-perkara khilaf yang melibatkan soal *furu iyyah* atau perkara-perkara cabang sahaja, dan tidak kepada soal dasar atau perkara pokok dalam Islam. Perbezaan juga terikat dengan adab-adab dan akhlak-akhlak tertentu yang perlu diutamakan supaya tidak timbul sebarang bentuk perbalahan yang kronik antara sesama muslim. Di samping itu juga, perbezaan tersebut perlu berasaskan kepada hujah yang konkret dan bersumberkan dalil-dalil yang kuat dan boleh diterima dengan yakin. Tanpa rujukan yang kukuh dan ‘illah yang sahih dari mana-mana sumber yang dirujuk, maka sesuatu perbezaan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak akan ditolak dan dipinggirkan sama sekali, apatah lagi sekiranya ia melibatkan orang-orang yang bukan dari ahlinya.

4.3.1 Penetapan Kadar ‘Urf Di Selangor

Menurut Abdullah Ahmad Senin,⁴³² penetapan kajian ‘urf di Selangor adalah berdasarkan kepada kajian lapangan secara rasmi yang pernah dibuat oleh Pusat zakat Selangor (PZS),

⁴³¹ Sekalipun wujud kadar-kadar tertentu yang dilontarkan oleh beberapa ulama berdasarkan pemerhatian pengkaji, namun ia bukan ketetapan hukum dan masih diklasifikasikan sebagai tafsiran berdasarkan pemerhatian ‘urf secara rambang dan penilaian teks umum dari al-hadith secara teori tanpa melibatkan kajian lapangan.

⁴³² Abdullah Ahmad Senin, *op.cit.* Temu bual 11 Mac 2014. Beliau merujuk kepada minit-minit mesyuarat yang lalu (1991-2014) serta kertas-kertas kerja cadangan yang pernah dihantar ke Jabatan Mufti Selangor dalam tempoh tersebut.

bermula pada tahun 2003 hingga tahun 2004, dan seterusnya difatwakan pada tahun 2005. Ia adalah merupakan data berdasarkan kertas kerja cadangan yang dibuat oleh Pusat Zakat Selangor (PZS), dan dihantar ke Jabatan Mufti untuk dinilai dan dipanjangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA). Ia dibuat bagi mendapatkan pengesahan fatwa rasmi pertama penentuan kadar ‘urf pemakaian emas bagi penguatkuasaan zakat di Selangor. Kertas kerja cadangan tersebut adalah merupakan kertas kerja pertama yang dibuat oleh PZS sejak tahun 1991. Ia juga dibuat bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan pihak Jawatankuasa Fatwa untuk menetapkan kadar ‘urf di Selangor bagi tempoh lima tahun.

Setelah melalui pelbagai fasa perbincangan dan pembentangan yang panjang melibatkan PZS, Jabatan Mufti dan sebagainya, yang merangkumi perbahasan mengenai kaedah dan metodologi kajian, sumber dan dalil yang digunakan, soal-selidik dan temubual yang dijalankan terhadap adat pemakaian semasa dan sebagainya, maka Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa akhirnya bersetuju untuk meluluskan kertas kerja tersebut dengan beberapa pindaan, tambahan dan pengubahsuaian, seterusnya menetapkan kadar pemakaian ‘urf emas perhiasan di Selangor adalah pada timbangan 800 gram berdasarkan fatwa yang diwartakan pada 23 Jun 2005.⁴³³ Kadar ini masih digunakan sehingga ke hari ini (8 November 2014). Ia merupakan satu-satunya negeri berbanding negeri-negeri lain di Malaysia yang meletakkan kadar ‘urf di atas timbangan 800 gram emas tanpa merujuk kepada pandangan al-Nawawi (631H - 676H) beraliran mazhab Syafi'i sepertimana yang disebutkan juga oleh Jad al-Haq Ali Jad al-Haq, yang meletakkan ‘urf bagi emas perhiasan atau *al-hulli*, pada timbangan 200 *mithqāl* iaitu bersamaan dengan 850 gram timbangan emas semasa.⁴³⁴

⁴³³ *Ibid.* Abdullah Ahmad Senin,

⁴³⁴ Abī Zakariyyā Yaḥya bin Syaraf al-Nawāwī al-Dimasyqī (1996), *al-Majmu'*, Beirut: Dar al-Fikr, c. 1, j. 6, hh. 30-39. Jād al-Ḥaq ‘Alī Jād al-Ḥaq (2005), *al-Fatāwā al-Islāmiyyah*, Qāhirah: Dār al-Fāruq li al-Nasyr wa al-tawzī‘, j. 3, h. 132. Menurut Jād al-Ḥaq, di dalam *fiqh syafti* tidak diwajibkan zakat pada emas perhiasan yang harus dipakai di sisi Islam yang telah sempurna *hawlnya* bagi pemilik emas tersebut yang sedar akan pemilikannya. Namun emas perhiasan yang haram dipakai, maka wajib pula baginya zakat. Begitu juga wajib

Berdasarkan kepada rekod Jabatan Mufti Selangor selama 23 tahun sejak tahun 1991 – 2014,⁴³⁵ terbukti bahawa tidak terdapat sebarang bentuk keputusan fatwa tentang kadar ‘urf bagi perhiasan emas yang pernah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam tempoh tersebut, kecuali satu fatwa rasmi yang dikeluarkan pada tahun 2005 sepertimana yang telah dinyatakan di atas. Malah, tidak terdapat juga sebarang bentuk kajian atau kertas kerja cadangan yang pernah dibuat oleh mana-mana pihak dalam tempoh tersebut kecuali kertas kerja cadangan yang disebut sebelum ini.⁴³⁶

Sebagai perincian, menurut Abdullah Senin, kertas kerja pertama pada tahun 2005 yang mendapat kelulusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak, yang dijadikan sebagai fatwa rasmi pertama di Selangor, adalah merupakan kertas kerja kali ketiga yang dipanjangkan kepada Jabatan Mufti Selangor oleh Pusat Zakat Selangor (PZS), dan bukan kali yang pertama. Namun, kertas kerja tersebut adalah merupakan hasil penambahbaikan daripada kertas kerja pertama dan kedua yang dikemukakan sebelum itu. Malah, sebelum kertas cadangan tersebut diwartakan sebagai fatwa rasmi, terdapat dua sesi perbincangan dan pembentangan yang dibuat oleh PZS di hadapan Majlis Perunding Hukum Syarak Negeri Selangor, bagi mendapatkan pertimbangan ahli mesyuarat dan menjelaskan kajian tentang kadar ‘urf tersebut sepertimana yang dicadangkan.⁴³⁷ Hasil perbincangan sesi pertama bersama Jawatankuasa Fatwa telah membawa keputusan bahawa PZS perlu menjalankan kajian semula dan membuat beberapa penambahan dan pindaan setelah ahli panel tidak berpuas hati dengan kaedah kajian yang dibuat oleh PZS yang kelihatan begitu *simple*, tidak kukuh dan mempunyai banyak kelemahan serta tidak mencapai piawaian yang ditetapkan. Ia dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak

zakat atas emas perhiasan yang mempunyai ciri-ciri pemborosan seperti gelang yang mempunyai berat timbangan 200 *mithqāl*.

⁴³⁵ Berdasarkan minit-minit mesyuarat dan kertas-kertas kerja yang pernah dikemukakan ke Jabatan Mufti bagi tujuan pemohonan fatwa dan pewartaan sejak tahun 1991 hingga 2014. Sumber Abdullah Senin. Temubual 11 Mac 2014.

⁴³⁶ Unit Penyelidikan Dan Pembangunan Syar’ie, Pusat Zakat Selangor, *Kertas Cadangan Penetapan Kadar Urf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004*, h. 1.

⁴³⁷ *Ibid.* Kertas Cadangan Penetapan Kadar Urf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor. Abdullah Senin, *op.cit.*

(FATWA) Negeri Selangor Bil. 2/2004.⁴³⁸ Setelah dimurnikan dari pelbagai sudut dengan mengambil kira secara khusus pandangan Jawatankuasa dalam aspek-aspek tertentu yang telah diperbaiki, maka kertas kerja kali kedua berjaya disiapkan dan diperbahaskan semula untuk kali yang kedua di dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang sama. Setelah melalui pelbagai fasa perbincangan seperti kali yang pertama, maka Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa juga akhirnya telah bersetuju menerima kertas kerja tersebut untuk dipanjangkan dan disembah maklum pada pihak Istana bagi mendapatkan perkenan Tuanku sebagai langkah untuk proses pewartaan fatwa. Perbahasan kertas kerja kedua oleh PZS telah diminitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Bil. 3/2004. Walau bagaimanapun setelah disembah maklum pada pihak Istana untuk mendapatkan perkenan dan titah Tuanku, namun kertas kerja tersebut tidak mendapat persetujuan Tuanku yang mencadangkan supaya kadar ‘urf tersebut dinaikkan dan difikirkan semula bagi mengelak daripada menindas dan membebankan golongan wanita yang mempunyai emas yang tidak seberapa.⁴³⁹

Kertas kerja cadangan kali pertama dan kedua yang dihantar oleh PZS pada ketika itu yang diminitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor Bil 2/2004 dan Bil. 3/2004, telah mengusulkan buat pertama kalinya timbangan 227 gram sebagai kadar ‘urf emas perhiasan di Selangor tanpa melibatkan apa-apa kajian lapangan.⁴⁴⁰ Manakala kertas kerja cadangan kali ketiga yang dikemukakan oleh PZS (setelah memperbaiki kelemahan yang dinyatakan dan setelah menjalankan kajian lapangan) telah mengusulkan pula timbangan 500 gram sebagai kadar ‘urf, iaitu menggantikan timbangan 227 gram yang tidak mendapat perkenan Tuanku. Walau

⁴³⁸Maklumat ini adalah bersumberkan dari Jabatan Mufti Selangor berdasarkan kepada Minit Mesyuarat Sebenar Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor Bil. 2/2004 yang berada di dalam simpanan Jabatan. Menurut Abdullah Ahmad Senin, Pada tahun 2004 Jawatankuasa Fatwa telah bersidang selama 4 kali di mana 3 kali telah membentangkan kertas kerja cadangan ‘urf yang dipanjangkan oleh Pusat Zakat Selangor dan diminitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor Bil 2/2004, Bil. 3/2004, Bil 4/2004.

⁴³⁹Ibid. Abdullah Ahmad Senin, Temubual 11 Mac 2014.

⁴⁴⁰Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Bil. 2/2004. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Bil. 3/2004.

bagaimanapun kadar 227 gram yang dicadangkan oleh PZS tidak dinyatakan di dalam kertas kerja cadangan kali ketiga yang disediakan oleh PZS, sebaliknya termaktub di dalam minit-minit mesyuarat seperti yang dinyatakan sebelum ini. Menurut Abdullah Senin juga, kadar timbangan 227 gram yang dipersembahkan kepada Tuanku Sultan Selangor adalah tidak bersumberkan kepada sebarang kajian lapangan. Setelah mendapat teguran Tuanku yang memohon supaya kadar 227 gram tersebut dinilai semula demi menjaga kepentingan kaum wanita di Selangor, maka selepas itu baharulah kajian lapangan sebenar telah dilaksanakan oleh PZS dengan melibatkan responden sebanyak 1952 orang, terdiri daripada kalangan wanita dari pelbagai daerah di dalam Selangor. Berorientasikan teguran pihak Istana dan kajian ‘urf yang dibuat selepas itu, maka terhasillah sebuah kertas kerja lengkap yang dibuat oleh Pusat Zakat Selangor (PZS) dan diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa untuk dipersembahkan di hadapan Tuanku Sultan buat kali yang kedua. Kertas kerja tersebut pula telah mencadangkan timbangan 500 gram sebagai kadar ‘urf di Selangor. Kadar 500 gram adalah diambil berdasarkan kajian yang telah dibuat kepada 1952 responden tersebut.⁴⁴¹ Ini adalah merupakan permulaan lakaran sejarah penetapan kadar ‘urf yang terpahat di Selangor. Berdasarkan info tersebut, jelas bahawa penetapan kadar ‘urf di Selangor adalah melibatkan kerjasama tiga pihak iaitu, Pusat Zakat Selangor, Jabatan Mufti, dan Tuanku Sultan. Hasil penglibatan semua pihak terbabit, akhirnya telah memberikan impak yang positif, dan membawa kepada penambahbaikan dari pelbagai sudut. Justeru, cadangan kadar ‘urf pada timbangan 500 gram tersebut, adalah merupakan pindaan kadar ‘urf 227 gram yang diminitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor Bil. 4/2014.⁴⁴² Kaedah pengiraan zakat yang dicadangkan oleh PZS pada ketika itu, adalah dengan mendarab jumlah keseluruhan emas yang dimiliki (melebihi kadar ‘urf) dengan 2.5 peratus zakat tanpa menolak kadar ‘urf yang dicadangkan.⁴⁴³ Kertas kerja

⁴⁴¹ Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004. *op.cit.*

⁴⁴² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Bil. 4/2004. *op.cit.*

⁴⁴³ Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004, *op.cit.* Abdullah Ahmad Senin, *Op. cit.*, Temubual 11 Mac 2014. Kaedah pengiraan zakat emas perhiasan ialah (Timbangan emas X

cadangan kali ketiga tersebut adalah berdalilkan kepada mazhab al-Syafi'i dan Jumhur para ulama, serta Para Sahabat Rasullah saw seperti 'Umar *al-Khattab*, 'Abd Allah Ibn Mas'ud, Saydatina 'Aisyah dan lain-lain, termasuk pendapat di kalangan para fuqaha seperti Imām Abū Ḥanīfah, Ibrāhīm al-Nakha'i, Tawūs, Sufyān al-Thawrī, Sa'īd al-Musayyib dan lain-lain.⁴⁴⁴

Walau bagaimanapun tanpa diduga, setelah dinaikkan kadar '*urf* daripada 227 gram kepada 500 gram, dan setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor yang berpuas hati dengan kertas kerja tersebut, (sepertimana terkandung di dalam minit Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor Bil. 4/2014), namun, ia tidak juga mendapat perkenaan Tuanku Sultan untuk diangkat sebagai fatwa sekalipun setelah dipersembahkan untuk kali yang kedua.⁴⁴⁵ Ini bermakna cadangan kadar '*urf* pada timbangan 227 gram buat kali pertama, dan 500 gram buat kali kedua masih gagal di peringkat Istana kerana dianggap masih rendah, dan diminta untuk diperbincangkan lagi bagi menaikkan kadar '*urf* tersebut ke suatu kadar yang relevan dengan taraf hidup masyarakat Islam di Selangor yang ketika itu sudah semakin meningkat.⁴⁴⁶

Rentetan itu, sekalipun wujud kadar-kadar '*urf* tertentu bagi menentukan kadar zakat emas perhiasan di Selangor selama beberapa kali, namun ia hanyalah berstatus cadangan kadar semata-mata, yang dibuat berdasarkan kertas kerja rasmi oleh Pusat Zakat Selangor. Dengan kata lain, kadar '*urf* pada timbangan 227 gram dan 500 gram hanya berada di atas kertas sahaja, tetapi tidak pernah dilaksanakan oleh mana-mana organisasi zakat dan fatwa walaupun untuk tempoh yang singkat. Setelah ditolak untuk kali kedua oleh pihak Istana, maka pihak Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor pula telah

Harga semasa X 2.5% = Zakat) Contohnya: 900 gram X Harga semasa contohnya RM45.00 = RM40,500.00 kemudian X 2.5% = RM1,012.50. Jadi nilai zakat yang wajib ke atas pemilik adalah RM1,012.50.

⁴⁴⁴ *Ibid.*, Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004.

⁴⁴⁵ Abdullah Senin, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Fatwa, Jabatan Negeri Selangor. *op.cit.* Temubual 11 Mac 2014.

⁴⁴⁶ Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004. *op.cit.*, *Ibid.*, Abdullah Senin.

berbincang dan bermuzakarah dengan menggunakan kertas kerja yang sama, untuk menaikkan kadar ‘urf ke suatu tahap yang boleh diterima oleh pihak Istana seterusnya difatwakan bagi kegunaan masyarakat Islam di Selangor.

Mengambil kira realiti pemakaian emas semasa, dan kepentingan menjaga kemaslahatan golongan wanita di Selangor, maka pihak Jawatankuasa bersetuju untuk menaikkan kadar ‘urf tersebut daripada 500 gram kepada 800 gram timbangan emas.⁴⁴⁷ Cadangan baharu tersebut yang disembah maklum kepada pihak Istana setelah itu, akhirnya diperkenaan oleh Tuanku Sultan untuk diangkat menjadi fatwa rasmi yang diwartakan pada tanggal 23 Jun 2005. Dengan fatwa tersebut, terlakar buat kali pertama, bahawa kadar ‘urf permakaian emas perhiasan di kalangan golongan wanita di Selangor ditetapkan pada timbangan 800 gram. Mana-mana timbangan yang melebihi kadar ‘urf tersebut adalah diwajibkan zakat sepenuhnya tanpa mengecualikan nilai yang di bawah adat atau ‘urf.⁴⁴⁸ Fasa perbincangan untuk menetapkan kadar ‘urf di Selangor bermula sejak tahun 2003 dan berakhir pada tahun 2005. Kemuncak proses untuk mendapatkan pengesahan fatwa adalah berlaku pada tahun 2004.⁴⁴⁹ Fatwa rasmi tentang kadar ‘urf tersebut termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) yang bertarikh 18 April 2005. Ia dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, dengan titah perintah dari Pengurus Jawatankuasa Fatwa Selangor S.S. Dato’ Haji Tamyes Abd Wahid dan diterbitkan pada tarikh 23 Jun 2005 yang mewartakan seperti berikut :

“Kadar ‘urf emas perhiasan di Negeri Selangor adalah pada timbangan 800 gram. Mana-mana timbangan yang melebihi kadar ‘urf emas perhiasan adalah diwajibkan zakat perhiasan sepenuhnya, tanpa mengecualikan nilai yang di bawah ‘adat atau ‘urf.”⁴⁵⁰

⁴⁴⁷ *Ibid.*, Abdullah Senin, Temubual 11 Mac 2014.

⁴⁴⁸ Fatwa di Bawah Seksyen 47, Disiarkan Menurut Subseksyen 48(6), Kadar ‘Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. *op.cit.*

⁴⁴⁹ Abdullah Senin, *op.cit.* Temubual 11 Mac 2014.

⁴⁵⁰ Fatwa di Bawah Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, *op.cit.*

Menurut rekod dan maklumat yang tersimpan di Jabatan Mufti Selangor, sebelum kertas kerja kadar ‘urf dihasilkan oleh PZS pada tahun 2003, 2004 dan seterusnya diluluskan untuk pewartaan fatwa pada tahun 2005, kadar ‘urf emas perhiasan di Selangor adalah ditetapkan berdasarkan kepada nilai matawang dan tidak seperti sekarang yang menggunakan berat timbangan. Kadar ‘urf yang ditetapkan sebelum itu adalah ditetapkan pada nilai RM5000 tanpa fatwa rasmi yang dikeluarkan dan tidak juga melalui kertas-kertas kerja yang dihasilkan oleh mana-mana organisasi zakat atau lain-lain. Fakta ini jelas berdasarkan data yang tersimpan di Jabatan Mufti dan Lembaga Zakat Selangor, dan ia juga sepertimana yang terkandung di dalam kertas kerja cadangan penetapan kadar uruf emas perhiasan tahun 2004.⁴⁵¹ Walau bagaimanapun, kadar ‘urf RM5000 yang digunakan pada ketika itu adalah terlaksana secara tidak rasmi dan tidak pernah dikuat-kuasakan. Malah, ia juga tidak dibuat melalui sebarang bentuk kajian ‘ilmiyah berdasarkan justifikasi ‘urf yang sebenar, dan tidak diketahui juga sumber dan asas utama yang digunakan bagi meletakkan kadar tersebut.⁴⁵² Berikut adalah merupakan kronologi sejarah penetapan ‘urf di Selangor:

Jadual 4.1: Kronologi Penetapan Kadar ‘urf Emas Perhiasan di Selangor

TAHUN	KADAR ‘URF	ULASAN
Sebelum 1991 - 2003	Berdasarkan nilai matawang sebanyak RM5000	Tidak ketahui asas dan sumber yang diguna-pakai dan tidak melalui proses pewartaan. Dilaksanakan tanpa fatwa
2004	Berdasarkan Timbangan Emas sebanyak 227 gram	Melalui kertas cadangan pertama dan kedua oleh PZS dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Selangor. Tidak dilaksanakan
2004	Berdasarkan Timbangan Emas sebanyak 500 gram	Kertas kerja ketiga berdasarkan kajian lapangan yang dibuat oleh PZS setelah mengemas-kini sumber-sumber dan dalil-dalil, serta dimantapkan dari pelbagai aspek termasuk cadangan pihak Istana. Diluluskan peringkat Jawatankuasa Fatwa tetapi tidak diperkenan oleh Tuanku Sultan Selangor. Tidak pernah dilaksanakan.
2005 hingga sekarang	Berdasarkan Timbangan Emas 800 gram	Fatwa yang diwartakan

Sumber : Jabatan Mufti Selangor.

⁴⁵¹Ibid., Unit Penyelidikan Dan Pembangunan Syar'ie, Pusat Zakat Selangor, *Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004*, h. 6. Ibid, Abdullah Ahmad Senin.

⁴⁵²Ibid, Abdullah Ahmad Senin.

Sebagai bukti wujud perbezaan ‘urf perhiasan emas di Malaysia sejak dahulu hingga ke hari ini, berikut dipaparkan senarai penetapan dan perlaksanaan kadar ‘urf emas perhiasan bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia pada tahun 2004, 2008 dan terkini 2014 yang diperolehi berdasarkan kajian ini.

Jadual 4.2 : Kadar ‘Urf Emas Perhiasan Negeri-Negeri Tahun 2004

BIL	NEGERI	URUF EMAS	HINGGA TAHUN	KAJIAN LAPANGAN
1	Selangor	RM5000	2004	Tiada
2	Melaka	RM5000	2004	Tiada
3	Pulau Pinang	Min RM5000 & Mengikut Harga Semasa	2004	Tiada
4	W.Persekutuan	Emas Dipakai = x RM5000	2004	Tiada
5	N. Sembilan	Emas Dipakai = x 850 gram	2004	Tiada
6	Pahang	3492.61 mengikut harga semasa 85 gram emas	2004	Tiada
7	Perak	500 gram	2004	Tiada
8	Kelantan	RM10,000 dan bergantung kepada niat pemakai	2004	Tiada
9	Kedah	85 gram	2004	Tiada
10	Perlis	Tiada	2004	Tiada
11	Terengganu	RM5000 ke atas yang didarabkan terus dengan 2.5%	2004	Tiada
12	Johor	850 gram x Harga semasa	2004	Tiada

Sumber: Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Selangor 2004.⁴⁵³

Setelah berlalu beberapa tahun selepas itu, terdapat beberapa perubahan dan pindaan kadar ‘urf yang dilaksanakan di negeri-negeri tertentu yang direkodkan pada tahun 2008. Kenyataan ini adalah bersumberkan kepada kajian yang pernah dibuat oleh Jawatankuasa Penetapan ‘Urf Emas Pakai Negeri Pahang Darul Makmur pada tahun 2008, yang diketuai sendiri oleh Halidan Md Daud selaku Pengurus Besar Pusat Kutipan Zakat Pahang. Ini adalah merupakan kajian lapangan yang dibuat bagi menentukan ‘urf sebenar budaya pemakaian emas perhiasan di negeri Pahang semata-mata. Berikut adalah merupakan perincian kadar ‘urf negeri yang dinyatakan di dalam kajian tersebut:

⁴⁵³ Unit Penyelidikan Dan Pembangunan Syar'ie, Pusat Zakat Selangor, *Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004*, op.cit. h. 6.

Jadual 4.3 : Kadar 'Urf Emas Perhiasan Negeri-Negeri Bagi Tahun 2008

BIL	NEGERI	NISAB EMAS PERHIASAN TAHUN 2008
1	Perlis	170 gram
2	Kedah	170 gram
3	Pulau Pinang	165 gram
4	Perak	500 gram
5	Selangor	800 gram
6	Wilayah Persekutuan	150 gram
7	Negeri Sembilan	850 gram (Kadar lama) 200 gram (Kadar baru)
8	Melaka	RM5000
9	Johor	850 gram
10	Pahang	200 gram
11	Terengganu	150 gram
12	Kelantan	Tiada urf
13	Sabah	RM5000
14	Sarawak	775 gram

Sumber : Laporan Kajian Penetapan Uruf Emas Pakai Negeri Pahang Darul Makmur 2008.⁴⁵⁴

Begitu juga kadar 'urf yang sama telah dimuatkan di dalam laporan penyelidikan yang dibuat berdasarkan kajian lapangan bertajuk "Penentuan 'Uruf Pemakaian Emas Wanita Islam di Negeri Sembilan" yang diketuai oleh Zulkifli Mohamad al-Bakri.⁴⁵⁵ Di samping memaparkan kadar 'urf yang diguna pakai di negeri-negeri, penulis juga menyenaraikan harga emas semasa yang diambil pada 15 Disember 2008. Penulis tidak menyenaraikan perbezaan nilai emas semasa yang diamalkan oleh negeri-negeri sepetimana yang disebut oleh Hasan Bahrom (2012)⁴⁵⁶, sebaliknya menetapkan nilai standard berharga RM90.54 bagi 1 gram emas. Hasil kajian tersebut menyumbang kepada pindaan kadar 'urf di Negeri Sembilan daripada 850 gram kepada timbangan 200 gram. Berikut adalah merupakan jadual penetapan kadar 'urf negeri-negeri pada ketika itu yang dipaparkan berpandukan kepada timbangan emas dan harga semasa yang dimuatkan di dalam penyelidikan tersebut bagi membuat kajian khusus untuk 'urf di Negeri Sembilan.

⁴⁵⁴ Jawatankuasa Kajian 'Urf Emas Pakai Negeri Pahang (2008), *Laporan Penetapan 'Urf Emas Pakai Negeri Pahang Darul Makmur*. (Diketuai oleh Halidan Md Daud selaku Pengurus Besar Pusat Kutipan Zakat Pahang 2008).

⁴⁵⁵ Zulkifli Mohamad al-Bakri et al. (2008), *Penentuan 'Uruf Pemakaian emas Wanita di Negeri Sembilan*, Universiti Sains Islam Malaysia, h. 33.

⁴⁵⁶ Hasan Bahrom, Mohd Sirajuddin Siswadi Putera Muhammed Shith, Hajar Opit (2012), *Kaedah Penentuan Uruf Emas Dalam Zakat Perhiasan*, Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ).

Jadual 4.4 : Kadar ‘Urf Zakat Negeri-Negeri 15 Disember 2008

NEGERI	KADAR (GRAM)	NILAI (RM)
Johor	850	76,959.00
N. Sembilan	850	76,959.00
Selangor	800	72,432.00
Sarawak	775	70,168.50
Perak	500	45,270.00
Pahang	200	18,108.00
Kedah	170	15,391.00
Terengganu	150	13,581.00
K.Lumpur	150	13,581.00
Perlis	85	7,685.90
Kelantan	-	-
Melaka	-	5,000.00
Sabah	-	5,000.00
P.Pinang	-	5,000.00

Sumber : Penentuan ‘Urf Pemakaian Emas Wanita Islam di Negeri Sembilan.⁴⁵⁷

Setiap negeri mempunyai kaedah penilaian ‘urf tersendiri yang diimplementasikan oleh organisasi zakat di bawah naungan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Ia dibuat bagi menentukan jumlah timbangan perhiasan emas yang mencapai had wajib zakat. Dalam penetapan kadar, terdapat sebahagian negeri yang mengekalkan ‘urf pada timbangan atau nilai yang sama tanpa sebarang pindaan, namun di sebalik itu semua, terdapat juga sebahagian negeri-negeri lain yang mengambil langkah pro-aktif, iaitu menilai dan menetapkan ‘urf dengan membuat kajian, sama ada berbentuk lapangan atau sebagainya, sebagai metodologi menghitung dan mendapatkan ‘urf sebenar sehingga menyumbang kepada pindaan dan perubahan kadar ‘urf emas perhiasan bagi negeri terbabit. Perubahan ini selaras dengan kehendak sebenar fungsi ‘urf yang berubah disebabkan perubahan budaya pemakaian, dan kekal selagimana budaya tersebut terus diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, perubahan kadar ‘urf yang dibuat perlu lebih ‘ilmiyah dan menitik beratkan pelbagai aspek yang perlu dilihat dengan lebih luas demi kebaikan semua pihak. Berikut adalah merupakan kadar ‘urf terkini bagi tahun 2014 yang diperolehi

⁴⁵⁷Zulkifli Mohamad al-Bakri et al. (2008) *op.cit.*

berdasarkan info dan data yang dipaparkan oleh Organisasi-Organisasi Zakat bagi seluruh negeri di Malaysia.

Jadual 4.5 : Kadar ‘Urf Emas Perhiasan Negeri-Negeri Terkini Tahun 2014

Bil	Negeri	Jumlah ‘Urf
1	Wilayah Persekutuan ⁴⁵⁸	150 gram
2	Pulau Pinang ⁴⁵⁹	165 gram
3	Selangor ⁴⁶⁰	800 gram
4	Melaka ⁴⁶¹	200 gram
5	Negeri Sembilan ⁴⁶²	200 gram
6	Sabah ⁴⁶³	152 gram
7	Pahang ⁴⁶⁴	500 gram (Bermula 2012)
8	Kedah ⁴⁶⁵	170 gram
9	Perlis ⁴⁶⁶	85 Gram bagi semua jenis emas. Tiada ‘urf kerana berpegang kepada wajib zakat seperti emas-emas yang lain berpandukan apa yang dipegang oleh Abu Hanifah dan Ibn Hazm, tidak sepetimana yang dipegang oleh semua negeri di Malaysia
10	Perak ⁴⁶⁷	500 gram
11	Johor ⁴⁶⁸	850 gram
12	Sarawak ⁴⁶⁹	775 gram
13	Terengganu ⁴⁷⁰	850 gram
14	Kelantan ⁴⁷¹	Tiada ‘urf

Sumber : Temubual dan Laman Web Pusat Zakat Negeri.⁴⁷²

⁴⁵⁸ Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), dicapai pada 29 Mac 2014, http://www.zakat.com.my/zakat_emas.html.

⁴⁵⁹ Pusat Urus Zakat (PUZ) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.zakatpenang.com/zpp>, Temubual 19 Mei 2015.

⁴⁶⁰ Lembaga Zakat Selangor (LZS) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.e-zakat.com.my>

⁴⁶¹ Pusat Zakat Melaka (PZM) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.izakat.com>

⁴⁶² Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS) Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINs), dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.zakatns.com.my>.

⁴⁶³ Pusat Zakat Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah, dicapai pada 29 Mac 2014 <http://www.zakat.sabah.gov.my>

⁴⁶⁴ Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ) Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dicapai pada 29 Mac 2014. <http://www.zakatpahang.my>

⁴⁶⁵ Jabatan Zakat Negeri Kedah, Bahagian Dakwah & Kutipan, Temubual 7 Mei 2014

⁴⁶⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Fatwa Negeri Perlis, “Nilai Emas Yang Boleh Dihukum Pakaian” dicapai pada 30 November 2013. <http://www.e-fatwa.gov.my>. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Unit Zakat, Baitul, 7 Mei 2014.

⁴⁶⁷ Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIAMP), Bahagian Zakat, Baitulmal, Temubual 7 Mei 2014.

⁴⁶⁸ Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.maij.gov.my> .

⁴⁶⁹ Tabung Baitulmal Sarawak, Temubual 7 Mei 2014.

⁴⁷⁰ Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.maidam.terengganu.gov.my>

⁴⁷¹ Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.e-maiik.my>

⁴⁷² Ibid.

4.3.2. Kajian Lapangan di Selangor

Menurut Norazimah Mohd Rayes,⁴⁷³ Penetapan kadar ‘urf di Selangor yang ditetapkan pada timbangan 500 gram, seperti yang terkandung di dalam kertas cadangan ‘urf yang dikemukakan oleh Pusat Zakat Selangor kepada Jabatan Mufti, adalah berdasarkan kajian lapangan sebenar yang pernah dibuat oleh Pusat Zakat Selangor (PZS). Ia dibuat pada tahun 2003 – 2004 terhadap responden yang ditemui bual dari pelbagai daerah. Kajian tersebut dianggotai oleh Mohd Helmi Ahmad, Azhana Abdul Mutualib dan Norazimah Mohd Rayes sendiri, yang pada ketika itu bertugas sebagai Eksekutif Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Pusat Zakat Selangor. Walau bagaimanapun menurut Norazimah Mohd Rayes, buat masa sekarang Mohd Helmi Ahmad dan Azhana Abdul Mutualib sudah tidak lagi berkhidmat dengan Lembaga Zakat Selangor. Menurut beliau yang kini bertugas sebagai Eksekutif Perancangan Strategik di Sektor Perancangan Korporat LZS, kajian lapangan oleh PZS adalah diketuai oleh Mohd Helmi Ahmad selaku Eksekutif di Unit Penyelidikan dan Pembangunan Syar‘ei (Ketua Unit). Seterusnya dibantu oleh beliau dan Azhana Abdul Mutualib serta staf-staf terpilih yang menawarkan diri untuk menjadi pembantu kepada penyelidikan tersebut. Pada ketika itu, kajian lapangan yang dibuat adalah dengan menemubual semua responden menggunakan borang soal-selidik, dan memohon untuk menimbang dan mengira jumlah berat emas yang sedang dipakai oleh responden. Ini bermaksud, kajian yang dibuat oleh Pusat Zakat Selangor bukan hanya sekadar mengedarkan borang soal-selidik semata-mata, tetapi juga melibatkan proses timbang menimbang bagi mendapat kadar ‘urf sebenar di Selangor. Ia dibuat kepada semua responden yang termaktub di dalam kertas kerja terbabit. Walau bagaimanapun, emas yang ditimbang dan dihitung bukan berdasarkan kepada emas yang sedang dipakai sahaja, tetapi juga mengambil kira semua koleksi barang kemas yang dimiliki oleh individu yang sedang ditemubual. Menurut beliau, kebanyakkan wanita yang ditemui memakai emas dalam kuantiti yang sedikit, kuantiti selebihnya disimpan dan dipakai ketika ada acara-acara tertentu seperti keluar menghadiri

⁴⁷³ Norazimah Mohd Rayes, Eksekutif Perancangan Strategik, Sektor Perancangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Temubual 17 November 2014.

majlis jemputan dan sebagainya. Atas dasar itu, mengambil kira faktor pemakaian dan pemilikan emas yang diniatkan untuk perhiasan, adalah merupakan asas yang digunakan oleh PZS dan dianggap adil bagi menilai dan mendapatkan ‘urf perhiasan sebenar di Selangor. Menurut beliau, bukan mudah untuk mendapatkan kerjasama semua golongan masyarakat bagi menimbang semua emas yang dipakai dan dimiliki oleh seseorang, kerana bimbang terdedah kepada kes penipuan dan rompakan dari pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh yang demikian, bagi menjayakan proses temubual yang dibuat, maka pendekatan yang diambil oleh PZS adalah dengan cara menghubungi semua pembayar-pembayar zakat yang direkodkan oleh PZS, dan seterusnya memohon kerjasama individu terbabit atau pasangannya, atau juga ahli keluarga terdekat mereka yang berkelayakan untuk mohon ditemu bual bagi menjayakan proses mendapatkan kadar ‘urf. Data pembayar yang diambil sebagai responden, adalah meliputi semua kategori zakat dan tidak terhad kepada pembayar zakat emas sahaja. Di samping itu, PZS juga menggunakan kenalan-kenalan dari kalangan warga kerja PZS sendiri, sama ada ahli keluarga, jiran tetangga, saudara mara dan sesiapa sahaja yang dikenali sebagai pendekatan mudah untuk mendapatkan kepercayaan responden bagi menimbang emas yang dimiliki. Hasil dua pendekatan yang digunakan, PZS berjaya mengumpulkan sebanyak 1952 responden dengan menemubual dan mengisi borang soal-selidik yang disediakan. Malah, berjaya menimbang perhiasan emas yang dimiliki oleh semua responden terbabit, yang terdiri dari pelbagai latar belakang dan berada di lokasi-lokasi yang berbeza. Proses temubual ini digerakkan melalui pelbagai kumpulan yang dipecahkan ke tempat-tempat tertentu, setelah mendapatkan persetujuan responden untuk ditemubual melalui panggilan telefon dan seterusnya surat rasmi PZS yang dibawa ketika proses temubual dijalankan. Kaedah temubual yang digunakan ialah dengan bertemu pelanggan secara langsung sama ada di PZS sendiri, atau bertandang terus ke rumah-rumah, atau berjumpa di tempat-tempat tertentu seperitimana yang dipersetujui pada perbincangan awal dengan responden. Antara tempat yang menjadi lokasi pertemuan adalah di sekolah-sekolah, kerana mendapat permintaan responden yang

terdiri daripada golongan guru dan pendidik. Di samping itu, tempat-tempat lain juga turut menjadi lokasi proses temubual dijalankan. Menurut beliau juga, kadar ‘urf pada timbangan 800 gram adalah merupakan titah Tuanku Sultan setelah menolak cadangan 500 gram sepermulaan kadar yang dimajukan oleh Pusat Zakat Selangor.⁴⁷⁴

Justeru, hasil kajian lapangan yang dibuat melalui proses temubual dan soal-selidik yang dijalankan oleh PZS, maka kajian mendapati bahawa terdapat lebih dari 50 peratus sampel responden yang memiliki emas perhiasan pada timbangan melebihi 500 gram, dan berdasarkan pandangan PZS, ia layak untuk dilabelkan sebagai kadar ‘urf terbanyak di negeri Selangor berdasarkan kaedah *propotional*.⁴⁷⁵ Perincian peratus berdasarkan data sebenar yang direkodkan oleh PZS ialah sebanyak 32.2 peratus responden yang ditemubual memiliki emas kurang dari 500 gram, manakala 67.8 peratus responden direkodkan memiliki emas melebihi 500 gram. Ini bermaksud, seramai 1323 dari 1952 responden di Selangor yang memiliki emas melebihi timbangan 500 gram, dan seramai 629 responden pula mempunyai perhiasan emas di bawah timbangan tersebut. Mengambil kira semua sampel tersebut dan membuat analisa terhadap emas perhiasan yang dimiliki oleh responden, maka terhasillah kadar ‘urf 500 gram sebagai penilaian terhadap purata pemakaian emas di Selangor. Nilai statistik adalah seperti berikut yang menggunakan *P value*⁴⁷⁶ :

$$P = \frac{n\Sigma}{N} X 100 \text{ maka nilai } P \text{ ialah } \frac{1323/1952}{1} X 100 = 67.8\%.$$

Perincian bagi kajian lapangan yang telah dilaksanakan oleh Pusat Zakat Selangor terhadap 1952 responden, sebagai penilaian terhadap budaya pemakaian dan pemilikan perhiasan emas di negeri Selangor, adalah melibatkan data-data yang dipaparkan seperti berikut:

⁴⁷⁴*Ibid.*, Norazimah Mohd Rayes.

⁴⁷⁵Unit Penyelidikan Dan Pembangunan Syar'ie, Pusat Zakat Selangor (2004), *Kertas Cadangan Penetapan 'Urf 2004, op.cit.* Lampiran 4, h. 2.

⁴⁷⁶*Ibid.*, Unit Penyelidikan Dan Pembangunan Syar'ie (2004).

Jadual 4.6 : Statistik Jumlah Timbangan Pemakaian Emas Di Selangor Tahun 2004

Timbangan Emas	Peratus	Bilang Responden
Kurang 100 gram	7.9%	154 orang
100 gram - 200 gram	9.4%	183 orang
200 gram - 300 gram	7.9%	154 orang
300 gram - 400 gram	11.1%	216 orang
400 gram - 500 gram	11.2%	219 orang
500 gram - 600 gram	9.4%	183 orang
600 gram - 700 gram	10.7%	209 orang
700 gram - 800 gram	12.0%	234 orang
800 gram - 900 gram	8.7%	170 orang
Lebih 900 gram	11.6%	226 orang

Sumber : Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004.⁴⁷⁷

4.3.3. Konsep Penetapan Kadar ‘Urf Di Melaka

Kadar ‘urf di Melaka adalah berbeza dengan kadar ‘urf di Selangor dan beberapa negeri yang lain. Jabatan Mufti Melaka telah menetapkan dan seterusnya menfatwakan bahawa kadar terkini ‘urf perhiasan emas bagi negeri Melaka adalah sepertimana yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa yang bersidang pada tanggal 27 April 2010 (12 Jamadil Awwal 1431H). Berdasarkan mesyuarat tersebut, ahli sebulat suara bersetuju untuk meletakkan dan menetapkan timbangan 200 gram emas sebagai kadar ‘urf rasmi. Fatwa ini dikeluarkan bagi meminda fatwa 9(i) Warta Kerajaan Negeri Melaka bertarikh 19 November 2009 yang menetapkan bahawa kadar ‘urf adalah sebanyak 120 gram emas sahaja.⁴⁷⁸ Menurut Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Melaka,⁴⁷⁹ bahawa Kadar ‘urf emas perhiasan di negeri Melaka adalah ditetapkan pada timbangan 200 gram sepertimana yang telah difatwa dan diwartakan. Beliau berpendapat, Kadar ‘urf tersebut tentulah agak berbeza dengan negeri-negeri yang lain khususnya di negeri Kelantan. Perbezaan ini disebabkan oleh adat pemakaian emas di kalangan wanita adalah berbeza di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Masyarakat Islam di Kelantan memakai emas dalam jumlah yang sangat banyak dan tidak boleh disamakan kerana faktor tujuan dan niat

⁴⁷⁷ Ibid.

⁴⁷⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka 2002).

⁴⁷⁹ Mufti Kerajaan Negeri Melaka. Y.Bhg. Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Rashid Redza Haji Md. Saleh, Mufti Kerajaan Negeri Melaka, op.cit. Temubual pada 5 April 2013.

pemakaian di sana adalah berlainan. Di Kelantan, emas dipakai bukan atas tujuan perhiasan semata-mata, sebaliknya dipakai juga untuk tujuan perniagaan dan pusingan modal.”⁴⁸⁰

Mengikut kronologi sejarah, secara rasmi, kadar ‘urf di negeri Melaka telah mengalami pindaan sebanyak 2 kali, iaitu pada tahun 2009 dan 2011. Kadar ‘urf pertama yang diperkenalkan di Melaka adalah tidak dinilaikan mengikut berat timbangan sepetimana sekarang, tetapi menggunakan nilai iaitu RM5000 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja), dengan menggunakan kaedah penolakan ‘urf. Namun, kadar tersebut tidak mempunyai sebarang sumber rasmi dan tidak pernah juga difatwakan.⁴⁸¹ Ini bermakna, jika sekiranya jumlah keseluruhan harga semasa perhiasan emas yang dipakai dalam tempoh *hawl* adalah sebanyak RM15,000 (Ringgit Malaysia : Lima Belas Ribu Sahaja), maka kaedah kiraan zakatnya adalah selepas menolak terlebih dahulu kadar ‘urf yang ditetapkan iaitu RM5000 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja), kemudian didarabkan pula dengan 2.5% kadar pengeluaran zakat. Oleh itu, baki dari jumlah tersebut sahaja yang perlu dizakatkan.⁴⁸² Kadar ini adalah ketetapan yang bukan dibuat melalui sebarang fatwa rasmi negeri dan tidak pasti selama mana ia berfungsi. Oleh yang demikian, tidak dapat dipastikan juga apakah format yang digunakan oleh pihak-pihak terbabit, dan tidak dapat dipastikan juga apakah faktor yang menjadi sumber rujukan ‘urf sebagai hukum bagi mendapatkan nilai ini. Apa yang pasti, ia dibuat bukan berdasarkan kajian lapangan.⁴⁸³

Setelah itu, pada tanggal 2 April 2009 bersamaan dengan 6 Rabi‘ul Akhir 1430H, Jabatan Mufti Melaka melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Bil. 2/2009 telah mengemukakan pula satu kertas cadangan untuk perwartaan fatwa bagi kaedah-kaedah pengiraan zakat harta negeri Melaka secara keseluruhan. Ia bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan keputusan fatwa mengenai semua perkara-perkara zakat yang disenaraikan termasuk ‘urf zakat emas perhiasan. Permohonan ini telah dibuat dan dimajukan oleh Pusat

⁴⁸⁰ *Ibid.*

⁴⁸¹ Mohd Nazri Abdul Majid, Temubual 11 Jun 2013 & 19 Mac 2014.

⁴⁸² RM15,000 (Nilai Emas Yang Dimiliki) – RM5,000 (Kadar ‘urf) = RM10,000 – 2.5% (Kadar Zakat) = RM250 sahaja.

⁴⁸³ *Ibid.*, Mohd Nazri Abdul Majid. 11 Jun 2013 & 19 Mac 2014

Zakat Melaka (PZM) kepada Jabatan Mufti Melaka ekoran daripada teguran Audit Negara yang menghendaki dan mencadangkan supaya semua keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka mengenai isu-isu zakat dapat diwartakan bagi menjadikannya lebih berautoriti di sudut perundangan.⁴⁸⁴ Hasil daripada mesyuarat tersebut, maka tanggal 19 November 2009, Jabatan Mufti Melaka telah mengeluarkan fatwa rasmi pertama yang menetapkan bahawa kadar ‘urf pemakaian emas bagi Negeri Melaka adalah sebanyak 120 gram, iaitu berdasarkan timbangan dan bukan nilai seperti sebelum ini.⁴⁸⁵ Pada ketika itu, tidak ada sebarang kajian yang dibuat oleh mana-mana pihak bagi menetapkan kadar tersebut sebagai ‘urf emas perhiasan di Melaka. Kadar timbangan 120 gram yang dicadangkan di dalam kertas kerja tersebut adalah berdasarkan kepada perbandingan kadar yang dibuat di antara ‘urf di Melaka (RM5000 pada ketika itu) dan JAWHAR (Jabatan Wakaf Zakat dan Haji) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Hasil dari perbandingan yang dimuatkan dalam kertas tersebut, maka pihak PZM telah mencadangkan kepada Jawatankuasa untuk menyamakan kadar ‘urf di Melaka setaraf dengan kadar yang diperkenalkan oleh JAWHAR iaitu ‘urf yang bukan lagi dinilai berdasarkan harga, tetapi berdasarkan kepada berat timbangan emas.⁴⁸⁶ Kadar ‘urf yang diperkenalkan oleh JAWHAR pada ketika itu adalah sebanyak 120 gram emas.

Berdasarkan kepada kadar ‘urf dan kaedah kiraan yang ditetapkan oleh pihak JAWHAR, maka ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah bersetuju menerima cadangan tersebut untuk diangkat menjadi fatwa rasmi kerajaan negeri sebagai panduan kepada semua pihak, khususnya PZM dalam melaksanakan kadar tersebut di Melaka. Berikut adalah perbandingan kaedah kiraan ‘urf menurut PZM, JAWHAR dan beberapa

⁴⁸⁴Kajian Semula & Cadangan Pewartaan Fatwa Kaedah Pengiraan Zakat Harta Negeri Melaka, Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka, Bil. 2/2009, h. 1. *Ibid.* Mohd Nazri Abdul Majid, Temubual 11 Jun 2013 & 19 Mac 2014

⁴⁸⁵Fatwa Di Bawah Seksyen 36, Warta Kerajaan Negeri Melaka, enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002,

⁴⁸⁶Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka, Bil. 2/2009, *op.cit.* h. 23. Mohd Nazri Abdul Majid. *op.cit.*

negeri terpilih yang menjadi sandaran PZM untuk pertimbangan pihak Jawatankuasa Fatwa:⁴⁸⁷

Jadual 4.7 : Kaedah ‘Urf PZM, JAWHAR & Negeri Terpilih

INSTITUSI	EMAS YANG DIPAKAI	EMAS YANG DISIMPAN
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)	(Nilai emas – ‘urf (120gram)) X 2.5%	Nilai emas X 2.5%
Johor	(Nilai emas – ‘urf (850gram)) X 2.5%	Nilai emas X 2.5%
Selangor	Nilai emas semasa X 2.5%	Nilai emas semasa X 2.5%
Pahang	(Nilai emas – ‘urf (200 gram)) X 2.5%	Nilai emas X 2.5%
Perak	(Nilai emas – ‘urf (500 gram)) X 2.5%	Nilai emas X 2.5%
Melaka	(Nilai emas – ‘urf (RM5000)) X 2.5%	Nilai emas X 2.5%

Sumber: Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka, Bil. 2/2009.⁴⁸⁸

Walau bagaimanapun, pada tanggal 27 April 2010 (12 Jamadil Awwal 1431H), Pusat Zakat Melaka telah menghantar pula satu kertas kerja baharu kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka, yang mencadangkan perubahan terhadap ‘urf emas perhiasan di negeri Melaka dengan memohon pindaan terhadap keputusan fatwa yang telah dikeluarkan dan diwartakan sebelum ini. Kertas cadangan tersebut disediakan oleh PZM untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa ekoran dari hasil analisis data yang telah dijalankan oleh PZM mendapati, bahawa kadar ‘urf emas perhiasan yang ditetapkan di Melaka adalah lebih tinggi berbanding ‘urf pemakaian yang sedia ada, iaitu melebihi dari 120 gram sepertimana yang telah difatwakan.⁴⁸⁹ Setelah diperbincangkan dan diperhalusi di peringkat tertinggi, maka panel Jawatankuasa Fatwa telah bersetuju untuk menerima cadangan tersebut dan meluluskan kenaikan kadar ‘urf emas perhiasan di Melaka dari 120 gram kepada 200 gram.⁴⁹⁰ Fatwa ini telah difatwakan dan wartakan pada 6 Januari 2011.⁴⁹¹ Walau

⁴⁸⁷ *Ibid.*, Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka, Bil. 2/2009, h. 57.

⁴⁸⁸ *Ibid.*

⁴⁸⁹ Kertas Cadangan Meminda Keputusan Fatwa Mengenai Penetapan Kadar ‘Urf Pemakaian Emas Di Negeri Melaka dan Kaedah Pengiraannya. Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil. 2/2010. h. 1

⁴⁹⁰ Fatwa Di Bawah Seksyen 36, Warta Kerajaan Negeri Melaka, enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

bagaimanapun, kajian yang dibuat oleh PZM bukan berdasarkan kajian lapangan melalui proses soal-selidik atau temubual yang dibuat terhadap budaya pemakaian emas di kalangan wanita di Melaka, sebaliknya kajian tentang ‘urf tersebut hanya menjurus kepada penilaian dan rumusan data yang dibuat oleh PZM terhadap timbangan dan jumlah pembayaran zakat emas di negeri Melaka dari tahun 2007 – 2009. Data pembayaran emas tersebut sepertimana yang dirujuk, tidak terhad kepada emas perhiasan semata-mata, tetapi merangkumi juga emas dari pelbagai kategori. Ini kerana tidak ada data khusus untuk pembayaran zakat emas perhiasan yang terdapat di PZM, kerana peratus pembayaran zakat dalam konteks tersebut adalah sedikit. Oleh yang demikian, PZM telah menyerap masuk data pembayaran zakat emas perhiasan ke dalam kategori emas-emas yang lain, dan dikumpulkan menjadi satu kategori emas sahaja. Menurut data yang diperolehi dan dikaji oleh PZM, bahawa bilangan keseluruhan pembayar zakat emas di Melaka bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2007 adalah seramai 833 orang. Purata bilangan yang membayar zakat emas di antara timbangan 151 gram hingga 200 gram dari bilangan pembayar tersebut dalam tempoh setahun, adalah lebih tinggi dan dominan berbanding purata timbangan yang lain. Begitu juga data yang diambil sepanjang tahun 2008 bermula 1 Januari hingga 31 Disember, dan data yang diambil dari tahun 2009 bermula 1 Januari – 31 Disember. Berdasarkan kajian tersebut, jumlah pembayar zakat emas bagi tahun 2008 adalah sebanyak 956 orang, manakala jumlah pembayar zakat emas bagi tahun 2009 adalah sebanyak 967 orang. Hasil kajian, PZM mendapati bahawa draf tertinggi yang melibatkan jumlah pembayar zakat emas bagi tiga tahun berturut-turut tersebut, adalah bagi kategori timbangan emas di antara 151 gram hingga 200 gram.⁴⁹² Inilah data yang diambil oleh PZM sebagai mekanisme yang diguna pakai bagi memperoleh kadar ‘urf yang baharu. Data yang dikaji oleh PZM hanya melibatkan pembayar zakat emas dari 1 Januari 2007 hingga 31 Disember 2009 sahaja. Ini juga data yang diambil oleh PZM untuk memohon pertimbangan pihak Jawatankuasa

⁴⁹¹Ibid., Fatwa Negeri Melaka.

⁴⁹²Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil. 2/2010. op.cit. Lampiran C. Mohd Nazri Abdul Majid. op.cit.

Fatwa bagi meminda kadar ‘urf di Melaka. Tidak ada sebarang kajian lapangan sebelum dan selepas itu yang pernah dibuat oleh PZM. Pihak PZM hanya membuat kajian semata-mata data sahaja dengan menilai graf pembayaran zakat emas di kalangan wanita di Melaka untuk menentukan hukum. Tahun yang dikaji pula hanya terhad kepada tiga tahun sahaja (2007-2009), tidak ada lagi kajian yang dibuat tentang data tersebut selepas itu, begitu juga dengan kajian-kajian ‘urf yang lain.⁴⁹³ Berikut adalah merupakan data yang dipertimbangkan oleh PZM sepanjang tahun 2007 hingga 2009 sehingga mendapat kelulusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka bagi menaikkan kadar ‘urf 120 gram kepada 200 gram.

Jadual 4.8 : Data Pembayaran Zakat Emas (1 Januari hingga 31 Januari 2007)⁴⁹⁴

PURATA	GRAM	BIL	PERATUS
	85 Ke Bawah	172	17.79
	86 – 120	122	12.62
	121 – 150	145	14.99
192	151 – 200	221	22.85
	201 – 300	175	18.10
	301 – 500	108	11.17
	501 Ke Atas	24	2.48

Sumber : Jabatan Mufti Negeri Melaka

Jadual 4.9 : Data Pembayaran Zakat Emas (1 Januari hingga 31 Januari 2008)⁴⁹⁵

PURATA	GRAM	BIL	PERATUS
	85 Ke Bawah	92	9.62
	86 – 120	164	17.15
	121 – 150	162	16.95
198	151 – 200	214	22.38
	201 – 300	202	21.13
	301 – 500	101	10.56
	501 Ke Atas	21	2.20

Sumber : Jabatan Mufti Negeri Melaka

Jadual 4.10 : Data Pembayaran Zakat Emas (1 Januari hingga 31 Januari 2009)⁴⁹⁶

PURATA	GRAM	BIL	PERATUS
	85 Ke Bawah	53	6.36
	86 – 120	145	17.41
	121 – 150	104	12.48
220	151 – 200	217	26.05
	201 – 300	171	20.53
	301 – 500	114	13.69
	501 Ke Atas	29	3.48

Sumber : Jabatan Mufti Negeri Melaka

⁴⁹³ Mohd Nazri Abdul Majid. *op.cit.* Temubual 11 Jun 2013 & 19 Mac 2014.

⁴⁹⁴ Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil. 2/2010. *op.cit.* Lampiran C

⁴⁹⁵ *Ibid.*

⁴⁹⁶ *Ibid.*

Justeru, hasil daripada pertimbangan dan kajian data tersebut, maka pihak PZM telah membuat kesimpulan dan merumuskan bahawa jumlah kadar ‘urf pemakaian emas secara majoriti di Melaka adalah dalam purata 200 gram. Ini bermakna kadar ‘urf 120 gram yang diperkenalkan sebelum ini tidak lagi relevan dengan realiti yang wujud terhadap majoriti pembayar zakat emas di Melaka.⁴⁹⁷ Berdasarkan data dan maklumat tersebut, maka pihak Jawatankuasa Fatwa telah bersetuju untuk meluluskan cadangan PZM bagi meminda dan menaikkan kadar ‘urf emas perhiasan di Melaka daripada 120 gram kepada 200 gram emas bersesuaian dengan ‘urf semasa yang diambil dari data tersebut. Setelah diluluskan pada peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka, maka tanggal 23 Jun 2011 terbitlah pewartaan fatwa kadar ‘urf emas perhiasan di Melaka pada timbangan 200 gram secara rasminya.⁴⁹⁸

4.4 ANALISIS METODOLOGI DALAM PENENTUAN ‘URF

Kadar ‘urf sebenar yang menepati kehendak hukum perlu dinilai dan mengambil kira pelbagai faktor yang menjurus kepada budaya dan realiti yang wujud di dalam sesebuah masyarakat. Ia perlu dikaji dengan teliti dan dinilai dengan kaedah yang tertentu oleh ilmuan agama dan pakar-pakar berkaitan supaya hukum yang terhasil adalah kukuh dan konkret. Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang dianggap signifikan telah diperhalusi oleh kedua-dua negeri bagi memperolehi kadar ‘urf yang adil dan tepat untuk golongan wanita di negeri masing-masing. Wujud faktor-faktor yang diteliti sebelum fatwa tentang ‘urf dikeluarkan. Walau bagaimanapun faktor-faktor tersebut yang dinilai oleh kedua-dua negeri adalah agak berbeza dalam beberapa perkara. Namun, wujud juga persamaan dalam perkara-perkara lain yang tertentu. Persamaan paling asas yang wujud antara keduanya adalah faktor pemakaian yang menjadi metodologi kedua-dua buah negeri untuk memperolehi kadar ‘urf yang ingin ditetapkan. Faktor ini adalah merupakan rujukan utama yang telah diberi perhatian secara serius oleh kedua-dua negeri bagi memastikan

⁴⁹⁷Mohd Nazri Abdul Majid, *op.cit.*

⁴⁹⁸Fatwa Seksyen 36, Warta Kerajaan Negeri Melaka, enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002. *op.cit.*

kadar ‘urf yang ditetapkan tidak menyimpang daripada realiti pemakaian yang sebenar. Dari sudut penyelidikan, fatwa rasmi yang diwartakan pada 23 Jun 2005 oleh Jabatan Mufti Selangor, adalah berdasarkan kepada kajian daripada kertas cadangan yang pernah dibuat oleh Pusat Zakat Selangor pada tahun 2003. Ia adalah kajian lapangan sebenar yang dibuat bagi menilai ‘urf emas di Selangor dengan menggunakan metodologi kuantitatif dan membuat kajian terhadap 1952 responden di kalangan wanita di Selangor.⁴⁹⁹ Ini adalah merupakan kajian pertama yang dibuat sendiri oleh PZS secara turun padang bagi penetapan fatwa ‘urf emas perhiasan di Selangor. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak pernah dipaparkan atau ditulis oleh individu-individu tertentu atau mana-mana pihak kerana tidak mengetahui adanya kajian tersebut. Justeru, berdasarkan maklumat yang diperolehi, maka pengkaji mendapati bahawa kajian tersebut benar-benar dijalankan sepertimana yang terkandung di dalam Kertas Cadangan Penetapan Kadar ‘Uruf Emas Perhiasan di Negeri Selangor 2004 yang masih tersimpan di Jabatan Mufti Selangor. Status sebenar kajian ini juga diakui oleh Puan Norazimah Mohd Rayes yang merupakan Eksekutif Perancangan Strategik Lembaga Zakat Selangor (MAIS) yang terlibat secara langsung bagi menemu bual responden yang ketika itu bertugas sebagai Eksekutif di Unit Penyelidikan.⁵⁰⁰ Inilah satu-satunya kajian yang pernah dibuat di Selangor dan tidak ada lagi sebelum dan selepas itu kajian tentang ‘urf yang pernah dibuat.⁵⁰¹ Kajian ini adalah merupakan satu-satunya kajian yang merungkai dan menjumpai fakta sebenar sejarah penetapan ‘urf di Selangor. Di samping itu, menurut rekod Jabatan Mufti, penetapan RM5000 sebagai kadar ‘urf di Selangor sebelum tahun 2003 adalah merupakan satu ketetapan yang dibuat tanpa melalui fatwa dan proses perwartaan, malah kadar ‘urf berdasarkan nilai harga tersebut tidak mempunyai sebarang rujukan rasmi dan tidak dapat dipastikan sejauh mana perlaksanaannya

⁴⁹⁹ Ibid. Unit Penyelidikan Dan Pembangunan Syar’ie, Pusat Zakat Selangor, *Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004*, h. 2.

⁵⁰⁰ Norazimah Mohd Rayes, Eksekutif Perancangan Strategik, Sektor Perancangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor (Majlis Agama Islam Selangor), Temubual 17 November 2014.

⁵⁰¹ Abdullah Ahmad Senin, *op.cit.* Temubual 11 Mac 2014. Menurut beliau, semua kajian yang ingin difatwakan perlu dihantar melalui Jabatan Mufti untuk dinilai oleh pihak Jawatankuasa Fatwa sebelum diterima untuk diangkat sebagai fatwa. Justeru, sepanjang tempoh tersebut, tidak ada kertas kerja yang pernah dipanjangkan oleh mana-mana pihak bagi tujuan tersebut kecuali yang dihantar oleh PZS pada tahun 2004.

berjalan.⁵⁰² Manakala di Melaka, pengkaji mendapati bahawa sekalipun terdapat tiga fasa perubahan kadar ‘urf di sana (RM5000, 120 gram dan 200 gram), namun dari sudut kajian ilmiah, perubahan kadar ‘urf yang diumumkan dilihat adalah tanpa melalui kajian lapangan rasmi sepetimana yang pernah dibuat oleh PZS. Walau bagaimanapun, kadar ‘urf yang diperkenalkan di Melaka juga mempunyai sandaran dan sumber yang tersendiri. Menurut Mohd Nazri Abdul Majid,⁵⁰³ Melaka menjadikan kadar ‘urf yang diperkenalkan oleh JAWHAR sebagai penetapan ‘urf emas perhiasan secara rasmi buat pertama kalinya di Melaka setelah mengguna pakai kadar nilai RM5000 yang tidak mempunyai sumber rujukan yang konkret. Kadar yang disyorkan oleh JAWHAR pada ketika itu adalah sebanyak 120 gram. Setelah itu, Melaka mengambil inisiatif meminda kadar tersebut kepada 200 gram berdasarkan pula semata-mata kajian data yang dibuat ke atas pembayar-pembayar zakat emas dalam tempoh tiga tahun tanpa merujuk lagi kepada JAWHAR. Sekalipun tanpa kajian lapangan, namun penelitian yang dibuat oleh PZM dan Jabatan Mufti Melaka berdasarkan penerangan sebelum ini adalah dianggap sudah memadai dan fatwa yang dikeluarkan adalah kukuh dan boleh menjadi sandaran hukum.⁵⁰⁴ Tidak semua faktor yang dinilai oleh LZS (MAIS) sebagai metodologi hukum ‘urf adalah sama sepetimana yang dinilai oleh PZM dan begitu juga sebaliknya. Kedua-duanya mempunyai kecenderungan masing-masing dan pemahaman yang tertentu, sehingga menentukan kadar yang berbeza dalam jurang yang besar. Sekalipun budaya pemakaian adalah merupakan faktor asas yang dijadikan sebagai metodologi oleh kedua-dua organisasi, namun huraian dan penjelasan yang dibuat berhubung budaya tersebut adalah sedikit berlainan.⁵⁰⁵ Selain dalil dari *nas al-Quran* dan *al-Hadith*, dengan menggunakan kaedah fiqh LZS (MAIS) menjadikan corak pemakaian sebagai asas utama yang dikaji bagi mendapatkan batasan berat sebenar emas,

⁵⁰² *Ibid.*

⁵⁰³ Mohd Nazri Abdul Majid, Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Buhuth, Jabatan Mufti Melaka. Temubual 11 Jun 2013 & 19 Mac 2014. *op.cit.*

⁵⁰⁴ *Ibid.*, Mohd Nazri Abdul Majid.

⁵⁰⁵ Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004. *op.cit.* Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil. 2/2010. *op.cit.*

sebagai ‘urf yang tidak perlu dizakatkan.⁵⁰⁶ Di samping itu juga, Lzs (MAIS) menjadikan faktor-faktor luaran seperti peningkatan kos sara hidup, peredaran masa dan faktor lokasi, sebagai penilaian tidak langsung untuk penentuan ‘urf di Selangor.⁵⁰⁷ Sekali imbas, faktor yang digunakan oleh Pzm sebagai metodologi hukum ‘urf juga adalah sama seperti Lzs (MAIS). Selain menggunakan dalil al-Quran dan al-Hadith serta *qawa'id fiqhiiyah*, Pzm juga menjadikan pemakaian emas (berdasarkan data pembayar emas) sebagai faktor asas dalam penentuan hukum ‘urf. Begitu juga dengan faktor-faktor luaran yang lain juga dinilai dan diambil kira, seperti peningkatan tahap sosio-ekonomi, kuasa membeli dan kemampuan umat Islam dalam pemilikan harta dan sebagainya.⁵⁰⁸ Kesemuanya menjurus kepada peningkatan taraf hidup yang memberi kesan kepada pemilikan emas. Walau bagaimanapun, persamaan faktor yang dinilai tidak menemukan Lzs (MAIS) dan Pzm dengan kadar ‘urf yang sama atau menghampiri antara satu sama lain. Jika faktor pemakaian emas menjadi ukuran, agak mustahil wujud perbezaan ketara dalam konteks tersebut. Malah, perbezaan ketara juga tidak wujud di dalam soal peningkatan taraf hidup jika ditinjau dari aspek pendapatan.⁵⁰⁹ Jika dilihat dari sudut yang lain, kita mungkin terfikir adakah kadar ‘urf di Selangor itu sebenar yang terlalu tinggi, atau juga kadar ‘urf Melaka yang sebenarnya terlalu rendah sehingga masyarakat di Melaka terpaksa mengeluarkan zakat memakai emas walaupun miliknya tidak seberapa. Jika pemakaian emas perhiasan diqiyaskan dengan kenderaan-kenderaan mewah berharga ratusan ribu ringgit, maka apalah sangat nilai 200 gram emas yang perlu dizakatkan berbanding kenderaan-kenderaan tersebut tidak perlu

⁵⁰⁶Ibid.

⁵⁰⁷Mohd Fariz Abdul Razak, *op.cit.* Temu bual 20 Jun 2013.

⁵⁰⁸NoorZakry Nor Jamal, Penolong Pengurus Bahagian Penyelidikan, Pusat Zakat Melaka. Temubual 20 Mei 2013. Mohd Nazri Abdul Majid. *op.cit.*

⁵⁰⁹Perbezaan kadar ‘urf di Selangor (800 gram) yang melebihi empat kali ganda berbanding di Melaka (200 gram) adalah tidak seimbang dengan pendapatan seseorang yang bekerja di Selangor dengan seseorang yang bekerja di Melaka kerana jelas tidak wujud perbezaan ketara antara gaji atau pendapatan kedua-dua buah negeri berdasarkan kadar ‘urf tersebut. Kenyataan ini seolah-olah menggambarkan pendapatan orang-orang di Melaka sekiranya memperolehi RM2000, maka pendapatan orang-orang di Selangor ialah sebanyak RM8000 iaitu empat kali ganda sepetimana yang dilihat dari sudut perbezaan ‘urf. Kenyataan ini masih jauh dengan realiti sebenar yang sedang berlaku.

dizakatkan.⁵¹⁰ Begitu juga jika ia diqiyaskan dengan kediaman yang mungkin berharga jutaan ringgit, tetapi masih tidak perlu mengeluarkan zakat kerana masih dianggap sebagai keperluan.

4.4.1 Mekanisme LZS (MAIS)

Berdasarkan kepada kertas Cadangan yang dikemukakan oleh Unit Penyelidikan & Pembangunan Syar‘ie PZS bagi menetapkan kadar ‘urf di Selangor, maka ternyata asas pertimbangan secara terperinci yang diguna pakai oleh jawatankuasa tersebut bagi menetapkan kadar ‘urf sebanyak 500 gram adalah berdasarkan kepada mekanisme berikut:

- Melalui dalil utama wajib zakat emas perhiasan iaitu nas dari ayat al-Quran dalam Surah al-Taubah ayat 34, dan juga sebuah hadith yang diriwayatkan dari Amr bin Syu'aib tentang wanita yang membawa anak perempuannya yang memakai emas yang banyak.⁵¹¹
- Bertepatan dengan penggunaan satu prinsip dari kaedah-kaedah fiqh yang menyebut dan menetapkan bahawa sesuatu adat boleh menjadi penentu kepada hukum syarak.⁵¹²
- Diperkuuhkan dengan penelitian dan pengumpulan data-data yang dikumpul dan dianalisa oleh Pusat Zakat Selangor melalui dan menggunakan kaedah Propotion dalam statistik Diskriptif dan bukan inferens. Hasil daripada kaedah-kaedah yang digunakan ini, Jawatankuasa telah meletakkan satu hipotesis kajian iaitu: Lebih dari 50% wanita Islam di Selangor memakai emas perhiasan yang melebihi 500 gram.

⁵¹⁰Dari sudut hukum, tempat kediaman atau kenderaan, malah pakaian mengikut sifat semulajadinya tidak dikenakan zakat sekalipun berharga jutaan ringgit. Walau bagaimanapun, perlu disedari bahawa sekalipun ia tidak dikenakan zakat pada kategorinya, tetapi hakikatnya secara tidak langsung zakat telah pun dikenakan terlebih dahulu atas pendapatan pemiliknya (sama ada zakat perniagaan atau penggajian) sebelum mereka membeli material-meterial tersebut. Bezanya hanya satu, iaitu zakat yang perlu dikeluarkannya hanya sekali, sedangkan zakat emas perhiasan adalah wajib dikeluarkan pada setiap tahun.

⁵¹¹Nabīl Maṣṣūr Ya‘kūb al-Baṣārah (t.t.), *Zakāh al-Hulliy*, Dār al-Dakwah, al-Kuwait. h. 14, 29 - 30.

⁵¹²Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahmān Abī Bakr (t.t.), *al-Ashbāh Wa al-Nazāir fī Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Syāfi‘iyyah*, Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, h. 121.

- Hasil daripada kajian dan analisa menunjukkan kepada keputusan bahawa lebih 50% wanita Islam Selangor memakai emas perhiasan yang melebihi 500 gram sehingga ia menjadi satu adat untuk seluruh Negeri Selangor.
- Zakat emas perhiasan diwajibkan berdasarkan kepada berat timbangan dan bukan kepada nilainya.⁵¹³
- Kaedah pengiraan yang disarankan oleh oleh sesetengah ulama mazhab syafi'i ialah dengan mengambil kira semua timbangan emas perhiasan tersebut tanpa mengecualikan nilai yang di bawah 'urf'.⁵¹⁴

Penentuan 'urf di Selangor tidak hanya bergantung kepada faktor hukum dan budaya pemakaian semata-mata seperti mana yang dinyatakan di atas,⁵¹⁵ Penetapan 'urf di Selangor adalah jauh dan melebihi daripada realiti pemakaian sebenar. Menurut kajian yang dibuat, 'urf sebenar pemakaian emas perhiasan di Selangor adalah sebanyak 500 gram sahaja. Malah, sebelum itu, hanya ditetapkan pada timbangan 227 gram. Penetapan 800 gram adalah dibuat berdasarkan pertimbangan faktor gabungan di antara kajian 'urf yang dibuat oleh PZS dan faktor yang disyorkan oleh Tuanku Sultan Selangor, sehingga membentuk hukum 'urf yang lebih mementingkan kemaslahatan rakyat negeri Selangor tanpa membelakangkan nas sedia ada. Faktor 'urf yang tinggi daripada budaya pemakaian setempat seperti mana yang dicadangkan oleh Tuanku Sultan Selangor adalah bagi mengelak daripada bebanan dan penindasan terhadap golongan wanita. Faktor bebanan yang dinilai oleh Jawatankuasa Fatwa adalah bersifat umum yang merangkumi semua jenis kesusahan dan kesulitan akibat daripada kenaikan pelbagai kos yang

⁵¹³ Al-Dimyathi (t.t.), *I‘ānah al-Tālibīn*, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 158.

⁵¹⁴ *Ibid.*

⁵¹⁵ Berdasarkan kajian yang dibuat oleh PZS, hakikat sebenar 'urf yang dapat dilihat terhadap realiti pemakaian emas perhiasan di Selangor adalah sebanyak 500 gram. Namun atas saranan dari Tuanku Sultan Selangor, maka kadar 'urf bagi kewajipan zakat emas perhiasan dinaikkan kepada 800 gram melebihi kadar 'urf supaya ia tidak membebankan rakyat negeri Selangor di kalangan Wanita yang memiliki emas yang sedikit.

dipaparkan sebelum ini tanpa menggunakan mekanisme peratusan aspek yang lain sebagai indikator.⁵¹⁶

4.4.2 Mekanisme PZM

Sekalipun PZM tidak membuat sebarang kajian lapangan berhubung kertas kerja cadangan yang dihantarkan kepada Jabatan Mufti sebagai pindaan fatwa kadar ‘urf pada tahun 2009 dan 2011.⁵¹⁷ Namun, berdasarkan maklumat yang dipaparkan sebelum ini, maka mekanisme utama yang digunakan pada tahun 2009 hanya tertumpu semata-mata kepada kadar yang disyorkan oleh JAWHAR bagi mewujudkan keselarasan dan mengurangkan perbezaan dengan negeri-negeri yang lain tanpa sebarang kajian khusus.⁵¹⁸ Ulasan Jabatan Mufti Melaka berhubung perkara ini adalah seperti berikut:

“Berdasarkan kajian perbandingan yang dibuat oleh jabatan ini, maka didapati terdapat beberapa perbezaan dalam penetapan kadar nisab, kaedah pengiraan zakat dan jenis-jenis zakat harta yang dikutip oleh PZM, JAWHAR dan negeri-negeri. Justeru itu, jabatan ini berpendapat PZM wajar membuat beberapa pengubahsuaian dalam penetapan kadar nisab dan kaedah pengiraan beberapa jenis zakat sedia ada. PZM wajar mrngikut kaedah yang disyorkan oleh JAWHAR dan yang diperaktikkan oleh majoriti negeri-negeri mengikut pertimbangan syarak oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri bagi mewujudkan keselarasan dan mengurangkan perbezaan..”⁵¹⁹

Manakala mekanisme yang digunakan oleh PZM bagi membentangkan kertas cadangan untuk meminda keputusan fatwa pada tahun 2011, adalah tidak lagi bersandarkan kepada cadangan kadar daripada JAWHAR. Mekanisme yang digunakan pada ketika itu adalah kajian data yang diambil daripada butiran pembayar-pembayar zakat emas di PZM dalam tempoh tiga tahun (2007 - 2009).⁵²⁰ Hasil kajian mendapati bahawa purata pemakaian emas bagi setiap tahun adalah sebanyak 203.20 gram iaitu berdasarkan kepada 220 gram tahun 2007, 198 gram tahun 2008 dan 191.62 gram tahun 2009.⁵²¹ Di samping itu, terdapat juga

⁵¹⁶ Abdullah Ahmad Senin, *op.cit.*

⁵¹⁷ Mohd Nazri Abdul Majid, *op.cit.*

⁵¹⁸ Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka, Bil. 2/2009, *op.cit.* h. 23.

⁵¹⁹ *Ibid.*

⁵²⁰ Mohd Nazri Abdul Majid, *op.cit.*

⁵²¹ Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil.2/2010, *op.cit.* h. 4.

perkara-perkara lain yang dirujuk sebagai mekanisme penentuan ‘urf di Melaka seperti butiran berikut:

- Perbezaan Kadar ‘Urf Dengan Negeri-Negeri.⁵²²

Dalam penentuan kadar ‘urf di Melaka, faktor yang diambil kira bukan berkaitan dengan faktor dalaman sahaja, tetapi melibatkan juga faktor-faktor luaran yang lain seperti membuat perbandingan dan penilaian terhadap kadar ‘urf yang dilaksanakan di tempat-tempat lain termasuk juga sumber yang dirujuk. Perkongsian maklumat seperti ini boleh mengurangkan perbezaan kadar antara satu sama lain.⁵²³ PZM menjadikan faktor perkongsian maklumat sebagai proses bagi mendapatkan kadar yang agak rapat dan seimbang secara majoriti dengan yang lain. Faktor ini juga dijadikan sebagai sandaran dan rujukan bagi merombak kadar lama kepada kadar baharu yang lebih praktikal. PZM juga tidak menganggap faktor ini sebagai meniru apa yang telah orang lain usahakan kerana ia bukan faktor utama di sisi PZM. PZM mempunyai sandaran sendiri yang lebih khusus sebagai sumber utama, iaitu yang berorientasikan kepada *masadir al-tasyrik* dan juga melibatkan sumber dari faktor dalaman (‘urf pemakaian setempat).⁵²⁴ Sebagai rumusan, jika ditinjau dari aspek kemaslahatan ummah, perbezaan kadar yang ditentukan oleh Lzs (MAIS) adalah lebih menguntungkan masyarakat berbanding PZM dengan menggunakan kaedah *al-darar yuzal* (Menghilangkan kemudharatan). Kos sara hidup yang sentiasa meningkat dengan drastik tanpa diduga dalam keadaan tidak seimbang berbanding pendapatan yang diperolehi oleh masyarakat menyebabkan situasi ini amat menghimpit. Kadar ‘urf tinggi yang ditetapkan di Selangor memberi ruang kepada golongan wanita untuk berhias dengan agak selesa tanpa terikat dengan kadar zakat yang boleh menyukarkan

⁵²²Ibid.

⁵²³Mohd Nazri Abdul Majid, *op.cit.* Noorzakry Nor Jamal, *op.cit.* Menurut Noorzakry, bahawa tidak ada perbincangan secara rasmi di antara negeri-negeri mengenai isu ini kerana sekalipun isu ini dilihat penting dalam konteks tertentu, namun ia tidak dianggap sebagai isu yang major dari konteks yang lain yang boleh memberi kesan kepada soal akidah dan perpaduan umat. Walau bagaimanapun perkongsian dari sudut perlaksanaan dan sumber secara tidak langsung sentiasa berlaku dari semasa ke semasa khususnya melibatkan soal transformasi hukum.

⁵²⁴NoorZakry Nor Jamal, *op.cit.*

mereka. Pendekatan yang digunakan di Selangor juga boleh diterima kerana kadar yang ditetapkan adalah bersifat menyeluruh kerana mengambil kira soal pemakaian emas semasa dan juga menitik beratkan soal kemaslahatan ummah, apatah lagi penentuan hukum ‘urf tersebut amat hampir dengan hukum asal yang tidak wajib zakat sepetimana yang ditetapkan oleh Jumhur. Di samping itu juga, Pendekatan yang digunakan oleh Lzs (MAIS) dalam penetapan ‘urf adalah merupakan simbol keprihatin yang ditonjolkan melihat kepada kehidupan kaum wanita muslimah yang agak terbatas, berbanding golongan lelaki yang jauh lebih bebas dalam banyak perkara. Kecenderung Lzs (MAIS) kepada hukum asal dan faktor bebanan menyebabkan MAIS meletakkan kadar yang tinggi sebagai langkah *ihtiyad* sepetimana yang sering diaplikasi oleh al-Imam al-Syafi’i di dalam mazhabnya.⁵²⁵ Kadar ‘urf yang diperkenalkan di Selangor adalah sukar dilihat daripada realiti pemakaian sebenar. Hakikatnya, ia lebih cenderung kepada meraikan hak-hak wanita dalam Islam terhadap perhiasan diri. Walau bagaimanpun, kadar ‘urf yang ditetapkan di Melaka adalah jauh lebih munasabah dari aspek hukum jika penentuan ‘urf tersebut adalah berdasarkan kepada budaya pemakaian semata-mata berbanding apa yang ditetapkan di Selangor. Ini dapat dilihat daripada konteks penetapan ‘urf di sebahagian negeri-negeri yang lain sepetimana yang dipaparkan sebelum ini. Malah, cadangan kali pertama yang disyorkan oleh Pusat Zakat Selangor (PZS) kepada Jabatan Mufti dan Tuanku Sultan Selangor pada tahun 2004 adalah pada timbangan 227 gram emas sebagai nisab di Selangor, iaitu berbeza sedikit dengan kadar yang ditetapkan oleh PZM sebanyak 200 gram bagi kadar nisab emas perhiasan di negeri Melaka.

⁵²⁵Ridzuan Ahmad (2012), *op.cit.* h.109-111. Menurut beliau, sepetimana yang ditegaskan oleh Ibn. Hasyun, *al-Iḥtiyād* adalah satu elemen pemikiran fiqh oleh Imam Syafi’i. Kepentingan dan kedudukan *al-Iḥtiyād* yang tinggi dalam pemikiran fiqh Syafi’i dapat dilihat dari pelbagai sudut. Beliau bukan sahaja ber *Iḥtiyād* ketika proses istinbat hukum iaitu menilai hukum dan dalil-dalilnya, Malah, manifestasi *al-Iḥtiyād* Imam Syafi’i juga dapat dilihat daripada kata-kata yang diungkapkan oleh beliau dalam masalah-masalah fiqhiiyah yang wujud perbezaan pendapat. Beliau banyak menggunakan istilah yang melambangkan sikap berhati-hati beliau dalam memilih hukum dan menghormati pendapat orang lain. Beliau selalu menggunakan perkataan “Pilihanku”, “Yang utama disisiku”, “Pandanganku”, Yang paling aku Sukai” dan sebagainya.

4.5 ANALISIS KAEDAH PENGIRAAN ZAKAT EMAS PERHIASAN DAN PINDAAN.

Persoalan tentang hukum berkaitan ‘urf tidak hanya berkisar tentang kadar tertentu sebagai nisab atau *guideline* bagi menentukan sama ada emas perhiasan yang dipakai perlu dizakatkan atau sebaliknya jika telah sampai kepada tempoh *hawl*. Fatwa yang ditetapkan oleh Jabatan-Jabatan Mufti Negeri bukan hanya mengandungi ketetapan kadar ‘urf semata-mata, malah juga tertera kaerah atau cara pengiraan zakat yang perlu difahami dan diikuti oleh organisasi perlaksana. Kiraan zakat bagi emas perhiasan yang dilaksanakan oleh LZS (MAIS) pada tahun 2005 adalah mengikut kaerah kiraan tanpa tolakan.⁵²⁶ Cara pengiraan ini adalah seperti mana yang dilaksanakan pada zakat berbentuk simpanan. Begitu juga kaerah yang sama dijelaskan di dalam kertas kerja cadangan Pusat Zakat Selangor (PZS) yang dihantar kepada Jabatan Mufti Selangor pada tahun 2004.⁵²⁷ Walau bagaimanapun, kaerah kiraan zakat yang digunakan bagi kadar ‘urf RM5000 di Selangor, adalah berlainan daripada apa yang ditetapkan oleh PZS dan Jabatan Mufti Selangor pada tahun 2004 dan 2005. Kaerah kiraan zakat pada ketika itu (RM5000) sekalipun tanpa rujukan rasmi telah menggunakan mekanisme penolakan sebagai cara menghitung zakat emas perhiasan. Contohnya adalah seperti berikut:

$$\text{RM}15,000 \text{ (harga semasa emas)} - \text{RM}5000 \text{ (kadar 'urf)} = \text{RM}10,000 \times 2.5\% = \\ \text{RM}250 \text{ (kadar zakat yang perlu dikeluarkan oleh pemakai)}$$

Cara ini adalah berbeza dengan cara yang diguna pakai selepas itu, iaitu menggunakan pula kaerah tanpa penolakan kadar ‘urf, bagi mendapatkan kadar zakat emas perhiasan tersebut. Setelah fatwa tentang kadar ‘urf pertama dikeluarkan di Selangor, maka kaerah pengiraan

⁵²⁶Warta Kerajaan Negeri Selangor, Fatwa di bawah Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Jil. 58, No. 13, 23 Jun 2005. *op.cit.*

⁵²⁷Unit Penyelidikan Dan Pembangunan Syar‘i, Pusat Zakat Selangor, *Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004*, Lampiran 4, *op.cit.* h. 3. Kaerah yang dilaksanakan oleh PZS terhadap kiraan zakat ialah dengan cara mendarab jumlah keseluruhan emas yang dimiliki (setelah melebihi kadar ‘urf) dengan 2.5% tanpa menolak kadar ‘urf. Pengiraan zakat emas perhiasan ialah (Timbangan emas X harga semasa X 2.5% = zakat).

zakat emas perhiasan pula telah mengambil mekanisme tanpa penolakan ‘urf bagi mendapatkan kadar zakat sepertimana yang dilaksanakan selama beberapa tahun.⁵²⁸ Kaedah kiraan tanpa penolakan ‘urf yang dihebahkan melalui keputusan fatwa yang dikeluarkan pada tahun 2005 telah dilaksanakan tanpa seberang bentuk pindaan. Walau bagaimanapun, menurut Abdullah Ahmad Senin,⁵²⁹ terdapat pula satu draf fatwa tentang sistem pengurusan kutipan zakat negeri Selangor telah dikemukakan, dan diperbincangkan di dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada tarikh 15 Mac 2012. Berdasarkan mesyuarat tersebut, pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah bersetuju untuk menerima cadangan LZS (MAIS) bagi membuat pindaan terhadap kaedah pengiraan zakat emas perhiasan di Selangor yang sebelum ini menggunakan kaedah kiraan tanpa penolakan kepada kaedah kiraan zakat dengan penolakan kadar ‘urf yang ditetapkan di Selangor. Pindaan ini hanya melibatkan kaedah kiraan zakat semata-mata tanpa melibatkan apa-apa pengubahsuaian kadar ‘urf 800 gram yang telah ditetapkan sebelum ini. Menurut draf tersebut, emas perhiasan adalah:

“Emas yang digunakan sama ada untuk perhiasan di badan wanita, perkakasan, atau perabot yang digunakan sekali-sekala atau berterusan, dan hukumnya adalah wajib dizakatkan apabila jumlah beratnya melebihi ‘urf atau adat kebiasaan. ‘Urf bagi emas perhiasan adalah nilai yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa zakat. Apabila beratnya melebihi ‘urf, maka lebihan tersebut diwajibkan zakat. Kadar zakatnya adalah sebanyak 2.5% berasaskan tahun Qamariah dan 2.577% berasaskan tahun masihi.”⁵³⁰

Kaedah pengiraan zakat terbaru di sisi LZS (MAIS) adalah dengan cara menghitung berat emas yang dipakai melebihi ‘urf, kemudian sebelum didarabkan dengan kadar 2.5% untuk mendapatkan jumlah zakat yang wajib dikeluarkan, maka emas yang dimiliki perlu menolak terlebih dahulu kadar ‘urf tersebut sepertimana yang terkandung di dalam draf. Berdasarkan draf tersebut dan setelah mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Fatwa, maka kaedah pengiraan zakat bagi emas perhiasan di Selangor telah dilaksanakan dengan menggunakan

⁵²⁸ *Ibid.* Kaedah kiraan zakat pada ketika itu adalah dengan cara penolakan. (Timbangan emas - kadar ‘urf X 2.5% = zakat).

⁵²⁹ Abdullah Senin, *op. cit.* Temubual 11 Mac 2014.

⁵³⁰ Draf Fatwa Sistem Pengurusan Kutipan Zakat Negeri Selangor, h. 22-23.

kaedah pengecualian ‘urf sebelum dikirakan zakatnya. Contoh kiraannya adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 \text{Berat emas : } & 1000 \text{ gram} \\
 \text{‘Urf : } & 800 \text{ gram} \\
 \text{Harga semasa emas : } & \text{RM}144.38 \\
 (1000-800)\text{gram} \times \text{RM}144.38 & = \text{RM}28.876 \times 2.5\% = \text{RM}721.90
 \end{aligned}$$

Dari jumlah 1000 gram yang dimiliki, maka perlu ditolak terlebih dahulu kadar ‘urf 800 gram, di mana baki dari tolakan tersebut sahaja iaitu 200 gram yang perlu didarabkan dengan nilai semasa dan seterusnya didarabkan pula dengan 2.5% untuk mendapatkan kadar zakat yang diwajibkan.⁵³¹

Jadual 4.11: Arnologi Perbandingan Kaedah Kiraan Terdahulu dan Terkini.

Contoh Kaedah Kiraan Zakat Yang Baharu (2012 hingga sekarang)	1000 gram - 800 gram ('urf) = 200 gram X RM144.38 (harga semasa) = RM28,876 dan didarabkan kepada 2.5% = RM721.90 adalah merupakan zakat yang perlu dikeluarkan.
Contoh Kaedah Kiraan Zakat Yang Lama (2005 - 2012)	1000 gram X RM144.38 (nilai semasa) = RM144,380 kemudian didarabkan kepada 2.5% dari jumlah tersebut = RM3,609.50 adalah zakat yang harus dikeluarkan.

Sumber : Temubual Lembaga Zakat Selangor (MAIS).

Berdasarkan perbandingan terhadap kiraan dahulu dan terkini, maka kaedah kiraan yang baharu digunakan dilihat lebih menjaga kepentingan golongan wanita di Selangor kerana menetapkan zakat setelah ditolak terlebih dahulu kadar ‘urf, sehingga jumlah zakat yang perlu dikeluarkan hanya dalam kadar RM721.90 sahaja berbanding RM3,609.50 yang perlu dikeluarkan jika menggunakan kaedah lama. Pendekatan yang digunakan oleh LZS (MAIS) untuk menambah-baik mekanisme kiraan ‘urf sedia ada adalah ketara demi kemaslahatan masyarakat akibat peningkatan kos sara hidup yang membebankan.⁵³²

⁵³¹Abdullah Senin, *op. cit.* Mohd Fariz Abdul Razak, *op.cit.*

⁵³²*Ibid.*, Mohd Fariz Abdul Razak.

Jadual 4.12 : Kronologi Pindaan Terhadap Kaedah Kiraan ‘Urf Di Selangor.⁵³³

TAHUN	KADAR ‘URF	KAEDAH KIRAAN
2003 dan sebelum	RM5000	Dengan penolakan kadar ‘urf RM5000
2004	227 gram (berdasarkan kertas cadangan tanpa perlaksanaan)	Tanpa penolakan kadar ‘urf 227 gram
2004	500 gram (berdasarkan kertas cadangan tanpa perlaksanaan)	Tanpa penolakan kadar ‘urf 500 gram
2005	800 gram (Fatwa rasmi)	Tanpa penolakan kadar ‘urf 800 gram
2012	800 gram (Fatwa rasmi tahun 2005)	Dengan penolakan kadar ‘urf 800 gram.

Sumber : Temubual Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dan Jabatan Mufti Selangor.

4.6 ANALISIS USAHA PENYERAGAMAN KADAR ‘URF ANTARA ORGANISASI ZAKAT NEGERI

Buat masa ini, tidak ada satu kadar ‘urf standard yang digunakan secara rasmi oleh negeri-negeri seluruh Malaysia termasuk Selangor dan Melaka bagi menetapkan nisab emas perhiasan untuk mengeluarkan zakat. Setiap negeri mempunyai kadar ‘urf tersendiri yang ditetapkan berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri yang dinaungi oleh Majlis Agama Islam Negeri. Bagaimanapun dari sudut pentadbiran zakat, sebahagian besar Majlis Agama Islam Negeri khususnya di Semenanjung Malaysia telah melantik dan menyerahkan kuasa amil zakat kepada anak syarikat milik penuh Majlis iaitu Pusat Zakat Negeri menggunakan pelbagai nama.⁵³⁴ Ia sebagai satu usaha untuk meningkatkan kualiti pengurusan dan produktiviti bagi kemaslahatan umat Islam di Malaysia. Penubuhan syarikat perbadanan zakat ini yang beroperasi sejak tahun 1991 telah mencapai hasil kutipan zakat yang berlipat kali ganda berbanding negeri yang tidak berbuat demikian. Dengan memperkenalkan budaya kerja korporat yang berdaya maju,

⁵³³Ibid., Abdullah Ahmad Senin.

⁵³⁴ZPP (Zakat Pulau Pinang) ditubuhkan pada tahun 1994, PPZ (Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan) ditubuhkan pada tahun 1991, PZNS (Pusat Zakat Negeri Sembilan) ditubuhkan pada tahun 2000, PZM (Pusat Zakat Melaka) ditubuhkan pada tahun 1996, LZS-MAIS (Lembaga Zakat Selangor) ditubuhkan pada tahun 1995. PZS (Pusat Zakat Sabah) ditubuhkan pada 2006, PKZ (Pusat Kutipan zakat Pahang ditubuhkan pada 1995.

perkhidmatan yang bermutu, penggunaan teknologi terkini, peningkatan sistem pungutan zakat, penambahbaikan penggендalian sistem agihan zakat sedia ada dan sebagainya, telah berjaya meningkatkan keyakinan dan kepuasan pelanggan sehingga menyumbang kepada kenaikan jumlah kutipan. Walaupun masih terdapat sebahagian masyarakat yang lebih gemar membayar zakat terus kepada asnaf berbanding mengeluarkannya kepada institusi formal, namun peratusannya makin berkurangan hasil dari kempen dan usaha gigih yang dilakukan oleh Pusat Zakat Negeri yang bekerja keras untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat, tentang kebaikan membayar terus kepada institusi formal yang dilantik.⁵³⁵ Apatah lagi fatwa kebangsaan mengenai agihan zakat secara persendirian telah pun dikeluarkan.⁵³⁶

Semua Pusat Zakat yang dilantik adalah di bawah seliaan dan pengawasan Majlis Agama Islam Negeri yang bertanggungjawab untuk mengemudi segala pengurusan zakat ke arah yang lebih kemas dan tersusun. Pusat Zakat yang dilantik adalah terikat sama sekali dengan Majlis Agama Islam Negeri melibatkan soal-soal dasar seperti pengeluaran fatwa dan sebagainya. Berikut adalah merupakan senarai nama Majlis Agama Islam Negeri yang sudah melaksanakan dasar perlantikan anak syarikat bagi urus tadbir zakat di negeri masing-masing sebelum tahun 2006.⁵³⁷ :

Jadual 4.14 : Senarai Negeri Yang Melantik Pusat Urus Zakat

Bil	Nama Majlis	Anak Syarikat	Tahun
1	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	Pusat Pungutan Zakat (PPZ)	1991
2	Majlis Agama Islam & Adat Resam Melayu Pahang (MAIP)	Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ)	1995

⁵³⁵ Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, Adnan Mohamad (2006), *Penswastaan Institusi Zakat Dan Kesannya Terhadap pembayaran Secara Formal Di Malaysia*, Pusat Kajian Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. h. Abstrak.

⁵³⁶ Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke- 76 yang bersidang pada 21 – 23 November 2006 telah memutuskan bahawa dari segi siasah dan maslahah, zakat adalah merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut. Justeru, dari segi syara', mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.

⁵³⁷ *Ibid.*, Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, Adnan Mohamad (2006), h. 179.

3	Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	Lembaga Zakat Selangor (LZS) dulu dikenali Pusat Zakat Selangor (PZS)	1995
4	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	Zakat Pulau Pinang (ZPP)	1994
5	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS)	2000
6	Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	Pusat Zakat Melaka (PZM)	1996
7	Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	Pusat Zakat Sabah (PZS)	2006

Sumber : Laman Web Rasmi Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Zakat Negeri.⁵³⁸

Pada dasarnya sewaktu awal penubuhan, semua Pusat Zakat di Malaysia tidak mempunyai sebarang bentuk hubungan antara satu sama lain dari sudut pengorganisasian. Ini kerana penubuhannya adalah bersendirian di bawah Majlis Agama Islam Negeri tertentu dan tidak terikat dengan mana-mana negeri yang lain. Ini memberi kesan kepada perbezaan dari pelbagai sudut termasuk penetapan kadar ‘urf bagi emas perhiasan. Ikatan sebenar yang wujud hanyalah di antara Pusat Zakat Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri yang sama sepertimana yang telah diketahui sebelum ini. Hubungan ini kekal selagimana lantikan anak syarikat ini berterusan. Walaupun berbeza dari sudut organisasi dan *hairaki*, hubungan secara tidak langsung antara semua pusat-pusat zakat negeri telah terjalin sehingga tertubuh sekretariat di bawah JAWHAR yang menghimpunkan semua organisasi zakat yang diberi nama Sekretariat Pengurusan Zakat Negeri (SPZN).⁵³⁹ Ahli Jawatankuasa sekretariat tersebut terdiri daripada pengurus-pengurus zakat di bawah semua negeri, dan berperanan untuk memartabatkan zakat di kaca mata masyarakat di Islam di Malaysia melalui pengembangan idea-idea baru dan pelbagai usaha untuk meningkatkan kutipan dan agihan

⁵³⁸ Pusat Zakat Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah, dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.zakat.sabah.gov.my/profil-pzs/sejarah.html>. Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), dicapai pada 16 November 2014, <http://www.zakat.com.my/info-ppz/sejarah>. Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dicapai pada 16 November 2014, <http://www.zakatpahang.my/v2/InfoPkzProfilSejarah.aspx>. Zakat Pulau Pinang (ZPP) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), dicapai pada 16 November 2014, <http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/info-zpp/sejarah-penubuhan>. Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS) Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), dicapai pada 16 November 2014, <http://www.zakatns.com.my/Pusat-Zakat-Negeri-Sembilan>. Pusat Zakat Melaka (PZM) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), dicapai pada 16 November 2014, http://www.izakat.com/index.php?option=com_content&view=article&id.

⁵³⁹ Lembaga Zakat Selangor (LZS-MAIS), dicapai pada 10 Disember 2013, <http://www.izakat.com>. Mohd Fariz Abdul Razak, *op.cit.*

di negeri masing-masing.⁵⁴⁰ Bagi tahun 2013, Melaka dilantik sebagai Tuan Rumah bagi mengemudi ijtimak SPZN.⁵⁴¹ Penubuhan SPZN secara rasmi adalah merupakan satu langkah terbaik sebagai usaha untuk menangani isu-isu perbezaan. Penyatuan ini memberi ruang yang luas demi memastikan kelestarian tadbir urus zakat di Malaysia terus berkembang dalam suasana yang positif. Justeru, setelah pengkaji menemu-bual pegawai-pegawai di Lzs (MAIS) dan PZM⁵⁴² tentang tajuk isu-isu berkaitan kajian, maka buat masa ini, isu tentang keseragaman kadar ‘urf emas perhiasan masih belum dibangkitkan dalam ijtimak dan mesyuarat SPZN,⁵⁴³ sekalipun telah berlangsung pada kali ke 11 pada 17 Mei 2013.⁵⁴⁴

Natijah dari temubual yang telah diadakan di Lzs (MAIS) dan PZM, pengkaji merasakan bahawa penubuhan Sekretariat Pengurusan Zakat Negeri (SPZN) yang ditubuhkan di bawah JAWHAR selaku penasihat, adalah merupakan satu usaha yang cukup murni bagi memajukan dan memantapkan sektor ini ke arah merealisasikan kesefahaman dan kesatuan dalam konteks pengurusan zakat seluruh Malaysia. Dalam masa yang sama, keseragaman yang diharapkan bukan secara keseluruhan, kerana meraikan juga perbezaan yang mungkin wujud tetapi dengan cara lebih ilmiah, harmoni dan berpusat. Justeru, hasil daripada temubual yang diadakan dan setelah mengajukan persoalan-persoalan tentang isu kajian, maka pengkaji telah mencadangkan dan meminta jasa baik pihak Lzs (MAIS) dan PZM supaya isu ini ditengahkan dalam mesyuarat SPZN sebagai langkah awal sebelum dipertimbangkan ke peringkat nasional pada masa yang akan datang. Hasilnya, ketika kajian ini masih berjalan, terdapat satu bengkel khas yang telah dianjurkan oleh Bahagian Zakat JAWHAR, yang diberi nama Bengkel Kumpulan Fokus Kadar Uruf Pemakaian Emas yang

⁵⁴⁰Ibid.

⁵⁴¹Noorzakry Nor Jamal, *op.cit.* menurut beliau, antara isu yang pernah diperbincangkan oleh SPZN adalah tentang zakat berdasarkan kepada timbangan Baghdad. Sebelum diittifaqkan, berat timbangan Baghdad yang diamalkan oleh negeri-negeri adalah 2.7, 2.6, 2.5 dan sebagainya. Mesyuarat SPZN telah bersetuju untuk menggunakan timbangan Baghdad yang standard bagi semua negeri. Perbincangan tentang isu zakat fitrah pernah dibuat memandangkan isu tersebut sering mendapat reaksi masyarakat setiap kali tibanya bulan Ramadan. Mesyuarat SPZN juga telah berbincang untuk membuat beberapa penambah baikan terhadap kadar zakat fitrah semua negeri di Malaysia supaya menghampiri antara satu sama lain, dan tidak lagi berlaku perbezaan seperti sebelum-sebelum ini. Perbezaan yang dicadangkan oleh SPZN untuk semua negeri hanya dalam kadar 10 sen – 20 sen sahaja.

⁵⁴²Mohd Fariz Abdul Razak, *op.cit.*, Ibid. NoorZakry Nor Jamal.

⁵⁴³Ibid.

⁵⁴⁴Lembaga Zakat Selangor (Lzs-MAIS), dicapai pada 18 Oktober 2013, www.izakat.com.

diadakan pada 26 - 27 September 2013. Ia dijalankan khusus untuk membincangkan pelbagai isu berbangkit mengenai zakat emas perhiasan yang dilaksanakan oleh negeri masing-masing. Bengkel ini dihadiri oleh 45 orang peserta yang terdiri daripada wakil Majlis Agama Islam Negeri, Agensi Mengurus Zakat (AMZ), UKM Pakar Runding Sdn. Bhd. dan Universiti Sultan Zainal Abidin.⁵⁴⁵ Malah ketika kajian ini masih dijalankan, Pusat Zakat Melaka telah mengambil inisiatif menggerakkan usaha dengan mengadakan perkhidmatan kaunter zakat bagi menimbang berat emas di jabatan-jabatan kerajaan bertujuan untuk membuat kajian sebenar realiti pemakaian emas di Melaka.⁵⁴⁶

4.7 KESIMPULAN.

Pada dasarnya perbezaan hukum antara satu negeri dengan negeri yang lain bukan sahaja melibatkan kadar ‘urf emas perhiasan semata-mata, malah menjangkau juga kepada persoalan-persoalan lain yang masih tergantung dari sudut keseragamannya. Antaranya ialah penentuan *Had Kifayah*, pemeluasan konsep asnaf, penetapan kadar Zakat Fitrah, peluasan Sumber Baru Zakat dan sebagainya.⁵⁴⁷ Setelah mengkaji dan membuat analisis perbandingan antara Lzs (MAIS) dan Pzm dalam konsep penetapan kadar ‘urf, maka didapati masih terdapat beberapa aspek yang perlu diperbincangkan dan dinilai semula bagi mendapatkan justifikasi yang standard sehingga mampu menghasilkan ketetapan hukum yang selaras dan lebih praktikal dengan kehidupan masyarakat. Masyarakat kini lebih berpengetahuan dari sudut agama berbanding masyarakat terdahulu. Keprihatin masyarakat dalam menilai sesuatu isu berkaitan agama tidak boleh dipandang remeh dan dibiarkan begitu sahaja. Pengetahuan yang cetek sebahagian masyarakat tentang isu ini juga tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk terus menunggu tanpa melakukan apa-apa usaha penyeragaman sebelum ia diperbesarkan. Sikap berdiam diri dan tidak melakukan apa-apa tindakan kecuali setelah mendapat kritikan dan desakan adalah merupakan satu sikap negatif

⁵⁴⁵ Jabatan Haji, Wakaf dan Zakat, dicapai pada 6 Oktober 2014, www.jawhar.gov.my.

⁵⁴⁶ Maklumat diperolehi adalah berdasarkan kepada surat bertarikh 16 Januari 2014 (rujukan Pzm 600-1/1 () bersamaan 14 Rabiul awal 1435H yang dikeluarkan oleh Pusat Zakat Melaka dan dihantar ke UiTM Melaka yang menyatakan dengan jelas Kajian Uruf Pemakaian Emas Di Negeri Melaka.

⁵⁴⁷ Abdullah Said, Hasan Baharom, Rawi Nordin (2012), *op.cit.*

yang perlu dielakkan. Oleh itu, perbezaan kadar ‘urf yang ketara dan justifikasi yang digunakan oleh organisasi yang berkenaan perlu diperkemaskan dan dikaji semula dengan mengadakan perbincangan demi perbincangan yang positif. Kerjasama yang erat antara Pusat Zakat Negeri sebagai anggota Sekretariat Pengurusan Zakat Negeri (SPZN) adalah satu usaha penyatuan yang harus dipuji, dan isu yang diperbahaskan juga perlu diperluaskan kepada fokus yang lebih besar merentasi fokus yang sedang diberi perhatian. Begitu juga dengan institusi-institusi mufti bagi seluruh negeri yang bergabung di bawah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan. Kerjasama yang terjalin atas nama jawatankuasa dan sekretariat boleh dijadikan sebagai landasan penyatuan hukum sepertimana kegemilangan institusi keagamaan zaman silam. Justeru, cabaran dan rintangan yang semakin besar akibat perubahan dan peredaran zaman perlu dihadapi dengan berani, bijaksana dan sistematik, supaya sektor-sektor agama dapat dimantapkan dari pelbagai aspek khususnya dalam konteks keseragaman agar menjadi lebih progresif dan signifikan bagi memperkuuhkan kedudukan agama Islam di Malaysia.

Setelah melalui pelbagai fasa dalam membuat kajian ini, maka pengkaji mendapati bahawa perbezaan kadar ‘urf antara Lzs (MAIS) dan Pzm adalah ketara dalam jurang yang besar, namun justifikasi yang dinilai dan digunakan sebagai indikator ‘urf, terbukti tidak mempunyai perbezaan yang ketara sepertimana kadar ‘urf antara kedua-dua buah organisasi. Penilaian terhadap budaya pemakaian di Selangor dan Melaka serta sebahagian negeri-negeri yang lain dilihat begitu hampir, dan wujud persamaan yang agak ketara dalam konteks budaya pemakaian setempat di negeri masing-masing. Sekalipun wujud perbezaan dalam konteks realiti pemakaian tersebut, namun situasinya masih dalam ruang likup yang terkawal dan munasabah. Faktor bebanan dan kemaslahatan adalah asas utama yang membawa kepada perbezaan kadar ‘urf antara Selangor dan Melaka. Inilah satu-satunya justifikasi yang memisahkan dan menjarakkan pembinaan hukum ‘urf di kedua-dua buah negeri. Kadar ‘urf yang ditetapkan oleh Lzs (MAIS) mempunyai elemen menyeluruh dari sudut nas, budaya pemakaian dan aspek kemaslahatan. Ketiga-tiga elemen ini adalah penting

untuk menghasilkan hukum semasa bersifat subjektif bersandarkan kepada ijтиhad, demi kelangsungan dan keutuhan syarak yang sesuai ditatbiqkan sepanjang zaman, namun jurang perbezaan kadar dengan negeri-negeri yang lain perlu dimuzakarahkan demi kemaslahatan semua pihak.

Jadual 4.14 : Perbandingan Antara Lzs (MAIS) Dan Pzm Dalam Penentuan ‘Urf

PERKARA	LZS (MAIS)	PZM
• Bidang Kuasa Zakat	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Majlis Agama Islam Selangor ➤ Melantik Lembaga Zakat Selangor (LZS-MAIS) sebagai anak syarikat menguruskan zakat. ➤ Memberikan kuasa kutipan dan agihan kepada LZS ➤ Ditubuhkan pada 1994 dengan nama Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIS) 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Majlis Agama Islam Melaka ➤ Melantik Pusat Zakat Melaka (PZM) sebagai anak syarikat menguruskan zakat. ➤ Memberi kuasa kutipan sahaja kepada PZM. ➤ Ditubuhkan pada 1996 dengan nama Pusat Zakat Melaka
• Kadar ‘Urf Terkini	<ul style="list-style-type: none"> ➤ 800 gram ➤ Fatwa bertarikh 18 April 2005 ➤ Diwartakan pada 23 Jun 2005 ➤ Jabatan Mufti Selangor 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ 200 gram ➤ Fatwa bertarikh 18 Mei 2010 ➤ Diwartakan pada 6 Januari 2011 ➤ Jabatan Mufti Melaka
• Kaedah Kiraan Zakat	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dengan Penolakan Kadar ‘urf sebelum didarabkan dengan 2.5% ➤ $(900\text{gram} - 800\text{gram}) = 100 \text{ gram} \times 2.5\% = 100 \text{ gram} \times 0.025 = 2.5 \text{ gram}$ 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dengan Penolakan Kadar ‘urf sebelum didarabkan dengan 2.5% ➤ $(900\text{gram} - 200\text{gram}) = 700 \text{ gram} \times 2.5\% = 700 \text{ gram} \times 0.025 = 17.5 \text{ gram}$
• Metodologi	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Kajian terhadap 1952 responden yang menunjukkan 500 gram adalah ‘urf, setelah itu mendapat nasihat dari pihak Istana untuk dinaikkan demi menjaga maslahah golongan wanita yang memakai dalam kuantiti yang sedikit. ➤ Tidak ada kajian selepas itu. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Kajian terhadap data pembayar zakat emas dari tahun 2007-2009 sahaja. ➤ Tidak ada kajian lagi selepas itu.

<ul style="list-style-type: none"> • Kadar ‘Urf Sebelum 	<p>1) 500 gram</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Tidak melalui fatwa dan tidak pernah dilaksanakan, sekadar berada di atas kertas kerja cadangan. ➤ Kadar yang dibuat berdasarkan kajian lapangan terhadap responden dari pelbagai daerah <p>2) 227 gram</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Tidak juga melalui fatwa dan tidak pernah dilaksanakan. ➤ Berdasarkan cadangan yang dibuat oleh PZS dalam kertas kerja cadangan ‘urf pertama kepada Jabatan Mufti. ➤ Hanya berasa di atas kertas cadangan dan tidak melalui kajian khusus. <p>3) Nilaian RM5000</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Tidak pernah difatwakan ➤ Tidak melalui kajian 	<p>1) 120 gram</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Dilaksanakan berdasarkan fatwa 19 November 2009 ➤ Ditetapkan berdasarkan kepada perbandingan antara kadar ‘urf di Melaka dan yang diperkenalkan oleh JAWHAR. <p>Jawatankuasa Fatwa Melaka bersetuju menyamakan kadar ‘urf di Melaka dengan JAWHAR</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Tanpa kajian khusus hanya bergantung kepada kadar daripada JAWHAR <p>2) Nilaian RM5000</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Tidak pernah difatwakan ➤ Tidak melalui kajian
<ul style="list-style-type: none"> • Pindaan Kadar dan Kaedah Kiraan Zakat 	<p>1) Nilaian RM5000</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Dengan kaedah penolakan ‘urf <p>2) 500 gram & 227 gram (atas kertas kerja)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Tanpa Penolakan ‘urf <p>3) Tahun 2005 (800 gram)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Tanpa tolakan ‘urf <p>4) Tahun 2012 (800 gram)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Dengan kaedah Penolakan ‘urf 	<p>1) Nilaian RM5000</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Dengan kaedah penolakan ‘urf <p>2) Tahun 2009 (120 gram)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Dengan kaedah Penolakan ‘urf <p>3) Tahun 2011 (200 gram)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Dengan kaedah Penolakan ‘urf